

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KETUJUH
PENGGAL PERSIDANGAN
YANG KEDUA

Persidangan Kali Yang Ketiga
10 April 1988
23 Syaaban 1408

Dikeluarkan oleh:
PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU.

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

*dari pada:
Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Terengganu.*

Hari Ahad
10 April 1988
23 Syaaban 1408

KANDUNGAN

- | | |
|--|-------------|
| 1. <i>Nama ahli-ahli</i> | [Muka 1] |
| 2. <i>Doa.</i> | [Muka 5] |
| 3. <i>Ucapan YBM Dato' Yang Dipertua.</i> | [Muka 5] |
| 4. <i>Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan.</i> | [Muka 7] |
| 5. <i>Usul-usul Yang Telah Diberi Notis -</i> | |
| (1) <i>Ahli Jumaah Universiti Malaya.</i> | [Muka 8] |
| (2) <i>Ahli Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia.</i> | [Muka 9] |
| (3) <i>Ahli Jumaah Universiti Pertanian Malaysia.</i> | [Muka 10] |
| 6. <i>Rang Undang-Undang -</i> | |
| (1) <i>Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 1988.</i> | [Muka 11] |
| (2) <i>Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 1988.</i> | [Muka 14] |
| (3) <i>Enakmen Lalulintas Sungai 1988.</i> | [Muka 17] |
| (4) <i>Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 1988.</i> | [Muka 41] |
| 7. <i>Tangguhan.</i> | [Muka 50] |

#####

10 APRIL 1988

DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL
9.30 PAGI.

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA
Dato' Engku Bijaya Sura,
DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)
(WAKIL PAKA)

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR
Dato' Seri Amar Di Raja,
SSMT., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.,
(Dato' Seri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)
(WAKIL CUKAI)

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,
DSMT., DPMT., JMN., PJC., PJK.,
(WAKIL LADANG)

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail,
DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.
(WAKIL TELEMONG)

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,
DPMT., PJC., PJK.
(WAKIL SEBERANG TAKIR)

" " Dato' Tok Teng Sai,
DPMT., ASM., AMN., PJK.
(WAKIL BANDAR)

" " Haji Wan Zakaria bin Abd.Rahman,
ASM., PJC., PJK., PPN.
(WAKIL KUALA BESUT)

" " Encik Muda bin Mamat, SMT., PJK., PPN.
(WAKIL BINJAI)

" " Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,
ASM., SMT., PJK.
(WAKIL LANGKAP)

" " Haji Muda bin Abdullah, AMN., JP., PJK.
(WAKIL JERANGAU)

10 APRIL 1988

Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud bin Mansor, DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.

(WAKIL PERMAISURI)

- " " Dato' Haji Abd. Muttalib bin Haji Salleh, DPMT., AMN., JP., PJK.
(WAKIL BATU BURUK)
- " " Haji Ismail bin Yusof, SMT., AMN., JP., PJK.
(WAKIL TELUK PASU)
- " " Haji Wan Ibrahim bin Wan Othman, AMT., AMN., PJC., PJK.
(WAKIL BATU RAKIT)
- " " Dato' Haji Abd. Rashid bin Muhammad, DPMT., AMN., PJK.
(WAKIL TEPOH)
- " " Haji Ahmad Kasim bin Endut, AMT., JP., PJK., PPN.
(WAKIL BUKIT TUNGGAL)
- " " Encik Hassan bin Haji Said, AMN., PJK.
(WAKIL JABI)
- " " Haji Mustafa bin Muda, AMN., PJK., PPN.
(WAKIL TANGGUL)
- " " Encik Harun bin Ali, AMN., PJK.
(WAKIL MERCANG)
- " " Encik Abdullah bin Muhamad, PJK.
(WAKIL KAMPUNG RAJA)
- " " Wan Muda bin Mohd., PJK., PPN.
(WAKIL KUALA BERANG)
- " " Encik Harun bin Hassan, PJK.
(WAKIL BUKIT BANDI)
- " " Haji Awang Abu Bakar bin Sulong, AMT., PJK.
(WAKIL MANIR)
- " " Encik Abdul Majid bin Ahmad, AMN., PJK.
(WAKIL JERTIH)

10 APRIL 1988

Yang Berhormat Encik Yusof bin Musa, AMN., PJK.
(WAKIL SERADA)

" " Encik Ibrahim bin Awang
(WAKIL SURA)

" " Encik Abu Bakar bin Ali, PJK.
(WAKIL KEMASIK)

" " Encik Mazlan bin Awang, PJK.
(WAKIL BUKIT PAYUNG)

" " Encik Daud bin Abu Bakar, PJK.
(WAKIL HULU BESUT)

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Encik Mohamad bin Mohd. Min
(WAKIL KIJAL)

" " Haji Abd.Hadi bin Haji Awang
(WAKIL RU RENDANG)

" " Haji Mustafa bin Ali
(WAKIL WAKAF MEMPELAM)

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Setia Wangsa,
DSMT., DPMT., PJC., PJK., BLB.
(Dato' Haji Abdul Rahman bin Nasir)

" " PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Nik Hashim bin Nik Abdul Rahman, ASM.

" " PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Lela Jasa,
DPMT., PJC., PJK., BLB.
(Dato' Hashim bin Sulaiman)

TURUT HADIR:

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
(Wan Isa bin Long, PJK.)

10 APRIL 1988

10 APRIL 1988

DOA - Dibaca oleh
YBM Dato' Yang Dipertua.

UCAPAN YBM DATO' YANG DIPERTUA

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله قائل

يَا يَاهُ الَّذِينَ آمَنُوا اطْبِعُوا إِلَهَ وَاطْبِعُوا الرَّسُولَ وَأُولُو الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِن تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تَوْمَنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ لَا خَرْذَلَكَ خَيْرٌ وَاحْسَنْ تَأْوِيلًا
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah bersyukur kita semua kepada Allah Subhanahu wataala kerana dengan limpah kurnianya kita berada di dalam Dewan yang mulia pada pagi ini dengan hati yang lebih tenang dan lapang dada kerana persidangan yang pendek sekali bagi menyambut bulan Ramadan di tambah pula dengan suasana tiada Soalan Lisan yang hendak di jawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada pagi ini.

Peristiwa seperti ini jarang-jarang berlaku dan telah ditakdirkan oleh Allah Subhanahuwataala berlaku ketenangan dalam Dewan ini dimana di luar Dewan Pemimpin-pemimpin kita sibok kesana kemari untuk mencari tempat berteduh akibat kehilangan Rumah Pesaka Bangsa kerana sengketa sesama sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka membawa cerita Adam dan Hawa kepada Yang Berhormat sekalian semoga cerita ini boleh memberi pengajaran kepada kita. Adam dan Hawa telah di perintah keluar dari tempat tinggalnya Syurga disebabkan diperdaya oleh Syaitan menjanjikan kuasa dan hidup berkekalan. Adam sanggup melanggar syarat dan tatasusila hidup di Syurga kerana keinginan hawa nafsunya. Apa yang berlaku kepada Adam dan Hawa apabila mereka turun ke Dunia masing-masing tidak menyalah satu dengan lain. Adam tidak mengadap Tuhan menyatakan Hawa Salah dan begitu pula Hawa tidak menunjukkan kelemahan Adam. Mereka tidak pula berdoa supaya Tuhan kembalikan mereka ke tempat asal yang sekian lama mereka duduk berkasih sayang. Apa yang Adam segera lakukan ialah mencari Hawa dan Hawa mencari Adam supaya bersatu kembali menempuh penghidupan yang baru dalam erti kata perpaduan bagi menebus dosa dan kesilapan yang menimpa mereka. Allah mengajar Adam kalimah taubat -

فَتَلَقَّ أَدْمَنْ رِبِّهِ كَلْمَتَ فِتَابٍ عَلَيْهِ

10 APRIL 1988

Tuhan tidak mengajar Adam supaya mencari kesalahan orang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cerita Adam dan Hawa ini elok dijadikan kunci hidup kita apabila kita diberi kuasa. Kita jangan sayugia berebut-rebut kuasa yang ada dikalangan kita kerana tersalah langkah kuasa boleh bertukar menjadi mala petaka.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di saat-saat yang begini terharu janganlah kita terpesona dengan fitnah-fitnah yang di lemparkan kepada pemimpin-pemimpin kita baik di peringkat negeri mahu pun di peringkat Persekutuan. Janganlah kita menjadi orang yang senang menerima khabar angin lebih daripada orang-orang yang kita pimpin di kampung-kampung.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ringkasnya Dewan hari ini bersidang sehari sahaja. Walau pun persidangan tanpa Ahli-ahli daripada Parti Pembangkang, ada empat Rang Undang-Undang yang patut Yang Berhormat sekalian memberi perhatian.

Akhir sekali saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu Peraturan dan Aturan Dewan hendaklah kita jaga serta jua maruah diri sendiri.

Sekian, SELAMAT BERSIDANG.

10 APRIL 1988

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

- | | |
|------------------|--|
| D.U.N. Bil. 1/88 | Laporan Kemajuan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu bagi tahun 1982. |
| D.U.N. Bil. 2/88 | Penyata Kewangan tahun 1984 bagi Majlis Daerah Dungun. |
| D.U.N. Bil. 3/88 | Penyata Kewangan tahun 1985 bagi Majlis Daerah Dungun. |
| D.U.N. Bil. 4/88 | Penyata Kira-kira tahunan Majlis Daerah Marang bagi tahun 1983. |
| D.U.N. Bil. 5/88 | Penyata Kira-kira tahunan Majlis Daerah Marang bagi tahun 1984. |
| D.U.N. Bil. 6/88 | Laporan Kemajuan dan Penyata Kewangan Yayasan Terengganu bagi tahun 1984. |

10 APRIL 1988

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Ahli Jumaah Universiti Malaya

YANG BERHORMAT HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua; saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik YBM Dato' Haji Tengku Mahmud bin Mansor DPMT.,KMN.,JP., PJC.,PJK. menjadi Ahli Jumaah Universiti Malaya bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi tempoh 3 tahun mulai 1 Ogos 1987 menurut dibawah seksyen 13(i) Akta Universiti dan Kolej Universiti."

YANG BERHORMAT ENCIK ABDULLAH BIN MOHAMAD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong USUL itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada Mesyuarat dan dipersestujukan dengan sebulat suara.

USULINI DITERIMA.

10 APRIL 1988

Ahli Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia

YANG BERHORMAT HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik YB Dato' Haji Abu Bakar bin Daud, DSMT.,DPMT.,JMN., PJC.,PJK. menjadi Ahli Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi tempoh 3 tahun mulai 1 Jun 1987 menurut dibawah seksyen 13(i) Akta Universiti dan Kolej Universiti."

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KASSIM BIN ENDUT: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong USUL itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan diperse-tujukan dengan sebulat suara.

USULINI DITERIMA.

10 APRIL 1988

Ahli Jumaah Universiti Pertanian Malaysia

YANG BERHORMAT HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik YB Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, DPMT.,PJC.,PJK. menjadi Ahli Jumaah Universiti Pertanian Malaysia bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi tempoh 3 tahun mulai 1 Januari 1988 menurut dibawah seksyen 13(i) Akta Universiti dan Kolej Universiti."

YANG BERHORMAT HAJI AWANG ABU BAKAR BIN SULONG: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong USUL itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

USULINI DITERIMA.

10 APRIL 1988

RANG UNDANG-UNDANG

Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
(Pindaan) 1988.

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi meminda Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 dibaca kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK HARUN BIN ALI: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Rang Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 1988 dibaca kali yang pertama.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 1988 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Jadual kepada Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu 1959 untuk memperuntukkan bagi bayaran ganjaran atas kadar sebulan gaji bagi tiap-tiap genap setahun perkhidmatan dibayar kepada Pengurus, Timbalan Pengurus dan Ahli-ahli Suruhanjaya apabila mereka berhenti memegang jawatan, meletak jawatan kerana uzur atau setelah tamat tempoh jawatannya; atau kepada orang-orang tanggungan atau wakil diri dari segi undang-undang apabila berlaku kematian semasa memegang jawatan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

YANG BERHORMAT ENCIK HARUN BIN ALI: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

10 APRIL 1988

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

RANG ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI (PINDAAN) 1988
DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI (PINDAAN) 1988
TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK HARUN BIN ALI: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

RANG ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI (PINDAAN) 1988
DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

10 APRIL 1988

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1 Tahun 1988 dan mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 1987.

10 APRIL 1988

Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli
Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) 1988

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dibaca kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK MAZLAN BIN AWANG: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI
(SARAAN) (PINDAAN) 1988 DIBACA KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) 1988 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 bagi membolehkan bekas Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri dibayar pence pada masa ia masih berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan kewangan tambahan, yang amannya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

YANG BERHORMAT ENCIK MAZLAN BIN AWANG: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

10 APRIL 1988

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian di hadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

RANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN)(PINDAAN) 1988 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN)(PINDAAN) 1988 TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua , saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK MAZLAN BIN AWANG: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

RANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN)(PINDAAN) 1988 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

10 APRIL 1988

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 2 Tahun 1988 dan mula berkuatkuasa pada 3 Ogos 1986.

10 APRIL 1988

Enakmen Lalulintas Sungai 1988

Bacaan Kali Yang Pertama

YB HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN KAWALAN PERAHU-PERAHU YANG DIGUNAKAN DI SUNGAI-SUNGAI DI LUAR KAWASAN PELABUHAN DALAM NEGERI TERENGGANU dibaca kali yang pertama.

YANG BERHORMAT WAN MUDA BIN MOHAMAD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI 1988 DIBACA KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YB HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Lalulintas Sungai 1988 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan kawalan perahu-perahu yang digunakan di sungai-sungai di luar kawasan pelabuhan dalam Negeri Terengganu.

Fasal pertama memperkatakan tentang Tajuk Ringkas dan Mula Berkuatkuasa Rang Undang-Undang ini.

Fasal kedua bertujuan memperuntukkan tafsiran bagi istilah-istilah perahu, Pegawai Perlesenan, Pemunyai, Sungai, Bot Penambang dan Lesen bot penambang.

Fasal ketiga bertujuan memperuntukkan tanggungjawab-tanggungjawab Pegawai Perlesenan yang hendaklah mempunyai kuasa pengawasan dan arahan am ke atas semua perkara di bawah Rang Undang-Undang ini.

Fasal 4(1) melarang penggunaan perahu-perahu di mana-mana sungai melainkan perahu itu telah didaftar dan dilesenkan.

Untuk menjalani bot penambang pemunyanya hendaklah mempunyai satu lesen bot penambang, Fasal 4(2) akan tetapi suatu perahu tidak dikehendaki didaftar atau dilesen jika ada satu lesen yang masih berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa yang berkelayakan selagi perahu itu tidak meneruskan perjalanan ke hulu sungai melebihi had pelabuhan sebagaimana diertikan dalam

10 APRIL 1988

Undang-Undang yang pada masa itu berkuatkuasa mengenai pelabuhan - Fasal 4(3).

Fasal 5 memperuntukkan permohonan untuk pendaftaran dan perlesenan. Pegawai Perlesenan boleh mengeluarkan lesen dengan bayaran yang ditetapkan - Fasal 5(1). Sebelum mengeluarkan satu lesen Pegawai Pelesenan hendaklah memeriksa dan memuaskan diri sendiri bahawa perahu itu selamat dan sesuai - Fasal 5(2). Bilangan penumpang-penumpang dan muatan "maximum" yang dibenarkan hendaklah dinyatakan dalam lesen - Fasal 5(3). Pegawai Perlesenan boleh mengikut budi bicaranya menolak untuk memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memperuntukkan apa-apa sebab mengenainya dan keputusannya adalah terakhir dan muktamad - Fasal 5(4). Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana di fikirkan perlu oleh Pegawai Perlesenan - Fasal 5(5) dan lesen berkenaan hendaklah berkuatkuasa untuk suatu tempoh tidak melebihi satu tahun - Fasal 5(6).

Fasal 6(1) bertujuan memperuntukkan bagi pembatalan dan penggantungan lesen. Sebelum bertindak sedemikian, Pegawai Perlesenan adalah dikehendaki memberi satu notis bertulis kepada pemegang lesen berkenaan peluang untuk didengar - Fasal 6(2). Pemegang lesen yang terkilan boleh dalam tempoh 30 hari selepas diberitahu mengenai keputusan itu membuat rayuan kepada pihak berkuasa negeri yang mana keputusannya adalah muktamad - Fasal 6(3).

Fasal 7(1) memperuntukkan nombor pendaftaran dan nama Terengganu ditanda pada buritan perahu dan nama perahu jika ada dicapkan pada setiap bahagian haluan. Nama perahu atau tanda tidak boleh dipadam melainkan dengan kebenaran Pegawai Perlesenan - Fasal 7(2). Satu "plate" tertera dengan huruf "Bot Penambang" dan nombor lesen hendaklah dilekatkan pada setiap bot penambang - Fasal 7(3). Fasal ini juga berkehendakkan lesen disimpan dalam perahu - Fasal 7(4) dan apabila diminta lesen itu hendaklah ditunjukkan - Fasal 7(5).

Fasal 8(1) berkehendakkan tiap-tiap perahu mengadakan suatu tanda menunjukkan cukup muatannya. Tiap-tiap perahu yang berlabuh dan tidak ditambat dengan selamatnya kepada tebing sungai atau pun yang berjalan diantara 7.00 malam dan 7.00 pagi dikehendaki membawa lampu yang menunjukkan apinya yang dapat dipandang daripada jarak 60 meter - Fasal 8(2).

Fasal 9(1) memperkatakan tanggungjawab pemunya perahu yang baharu berikutkan pertukaran pemunyanya. Adalah juga tugas pemunya melapor kehilangan atau pemusnahan perahu - Fasal 9(2). Orang yang namanya tercatat dalam buku daftar sebagai pemunya hendaklah dianggap sebagai pemunya perahu berkenaan - Fasal 9(3).

Fasal 10(1) berkehendakkan setiap pemegang lesen bersedia untuk disewa bayar apabila tawaran tambang dibuat oleh penumpang. Ini adalah menjadi

10 APRIL 1988

satu kesalahan bagi pemegang lesen enggan tanpa sebab menasabah membawa penumpang, binatang-binatang atau barang-barang atau mengenakan bayaran lebih daripada tambang yang ditetapkan - Fasal 10(2).

Fasal 11 milarang bot penambang membawa atau menarik mana-mana kuda, kerbau lembu, babi, biri-biri, anjing atau kambing pada masa mengangkat penumpang-penumpang melainkan dengan kebenaran Pegawai perlesenan.

Fasal 12 memperuntukkan liabiliti pemunya bagi perbuatan-perbuatan pekerja-pekerjanya semasa dalam perkhidmatan.

Fasal 13 milarang halangan kepada sungai-sungai dan ia juga menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang menyebabkan gangguan, kecederaan atau kesukaran kepada mana-mana orang yang menggunakan sungai itu.

Fasal 14 berkehendakkan pemunya melapor mana-mana kemalangan nyawa atau kecederaan parah kepada orang-orang dan ia menjadikan suatu kesalahan bagi kegagalan berbuat demikian.

Fasal 15 memperuntukkan suatu penalti am, denda tidak melebihi \$3,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali bagi pelanggaran atau kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini atau mana-mana kaedah yang dibuat dibawahnya.

Fasal 16 memberikan kuasa kepada Pegawai Perlesenan mengkompaunkan mana-mana kesalahan dimana pendakwaan tidak dijalankan dengan memungut daripada orang yang difikirkan telah melakukan kesalahan sejumlah wang yang tidak melebihi \$500.

Fasal 17 memberi kuasa kepada Pegawai Perlesenan atau mana-mana Pegawai Polis tanpa waran menangkap mana-mana orang melakukan kesalahan dan menyita mana-mana perahu yang dipercayai telah diguna dalam melakukan sesuatu kesalahan dibawah Rang Undang-Undang ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah hendaklah terpakai berkaitan dengan orang-orang yang ditangkap (fasal 17(2)), manakala peruntukan bagi pelucutahan diperuntukkan di bawah (fasal 17(3)).

Fasal 18 memperuntukkan bahawa pendakwaan boleh dijalankan oleh Pegawai Pelesenan atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya.

Fasal 19(1) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri mengecualikan mana-mana perahu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Rang Undang-Undang ini. Rang Undang-Undang ini juga menentukan ia tidak terpakai kepada mana-mana perahu kepunyaan Raja, Kerajaan Negeri atau Persekutuan (Fasal 19(2)).

10 APRIL 1988

Fasal 20 memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini.

Sekian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT WAN MUDA BIN MOHD.: YBM Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya kemukakan untuk perbahasan -

YANG BERHORMAT ENCIK HASSAN BIN HAJI SAID: Assalamualaikum warahmatullahi-taala wabarakatuh.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bersama menyokong Enakmen yang baru dibentangkan ini. Terimakasih juga kepada Yang Berhormat yang menyokong Enakmen ini kerana memberi laluan kepada saya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seperti mana yang kita tahu sungai-sungai dalam Negeri Terengganu kita ini pada masa dahulu adalah menjadi alat perhubungan yang penting bagi rakyat negeri ini kerana pada masa itu belum ada kemudahan-kemudahan jalanraya sama ada yang bertanah merah jauh sekali yang bertar. Jadi sungailah pada masa itu menjadi laluan, menjadi alat perhubungan untuk membawa barang-barang dan perjalanan diantara satu kampung dengan satu kampung tetapi keadaan ini telah berubah apabila negeri kita mengalami pembangunan yang begitu pesat, jalan-jalan telah dibina dengan begitu banyak, boleh dikatakan menghubungi kesemua kampung-kampung yang ada dalam negeri ini kecuali beberapa buah sahaja. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu juga pada masa dahulu dimana sungai-sungai menjadi perhubungan kita sentiasa mendengar kemalangan-kemalangan berlaku. Diantara kemalangan-kemalangan itu sehingga menyebabkan kehilangan nyawa semuanya berlaku di sungai. Tetapi pada hari ini di Dewan yang mulia ini dibentangkan satu Enakmen berhubung dengan lalu lintas di sungai itu. Barangkali ada diantara kita yang berasa agak hairan apakah perlunya satu Enakmen untuk mengawal lalulintas di sungai-sungai ini kerana seperti mana yang kita tahu di sungai-sungai ini tidak begitu lagi digunakan oleh orang ramai sebagai alat perhubungan. Ini jika kita berfikir secara sepantas lalu tetapi kalau kita kaji secara yang lebih mendalam, Enakmen ini mempunyai implikasi, mempunyai matlamat jangka panjang yang mempunyai tujuan yang boleh menguntungkan negeri Terengganu khasnya. Pada pendapat saya Enakmen ini memberi satu galakan kepada dua segi, yang pertama ialah menggalakkan pelancongan dan yang

10 APRIL 1988

keduanya ialah menjamin keselamatan di sungai itu. Inilah dua perkara yang saya fikir Enakmen ini akan menjadi berfaedah kepada kita sekalian dan juga kepada rakyat negeri Terengganu.

Bercakap mengenai pelancongan, maka tumpuan kita barangkali ialah di tempat-tempat yang menarik, yang mengikut istilah Enakmen ini ialah di istilahkan sebagai sungai yang kita nampak pada hari ini ialah Tasik Kenyir yang telah ujud apabila terbinanya Empangan Kenyir yang terkenal itu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi pada kesempatan ini izinkan saya bercakap mengenai dua perkara ini iaitu mengenai Pelancongan yang saya kira menjadi matlamat jangka panjang Enakmen ini dan juga yang kedua mengenai keselamatan sungai.

Apabila kita mempunyai matlamat dibawah Enakmen ini untuk menggalakkan pelancongan maka pada pendapat saya kita mesti mentafsirkan Enakmen ini dengan lebih luas, kita mesti melaksanakan Enakmen ini dengan lebih luas bukan sahaja kepada apa yang tertulis di sini tetapi hendaklah diambil kira perkara-perkara yang boleh menguntungkan bidang pelancongan ini. Yang pertama yang saya rasa penting untuk mencapai matlamat ini ialah menjamin bahawa tempat atau sungai-sungai kita ini mempunyai perkara-perkara yang boleh menarik pelancong selain daripada kemudahan semulajadi yang ada di sungai-sungai terutama di tasik Kenyir kita juga perlu mengadakan atau pun mengawal supaya perkara-perkara yang menjadi tarikan kepada pelancong itu dijaga. Jadi di sini saya nampak dua perkara yang penting yang kita jaga iaitulah yang pertama hidupan air atau pun jenis-jenis ikan di dalam sungai-sungai itu sendiri. Pada masa ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walau pun ada Undang-Undang yang mengawal hidupan-hidupan air ini tetapi nampaknya tidak begitu di kuatkuasakan. Kita masih terdengar kegiatan-kegiatan menangkap ikan atau hidupan air ini secara yang tidak dibenarkan oleh Undang-Undang. Dengan cara menggunakan letupan, dengan cara menggunakan racun dan yang akhir-akhir ini dengan menggunakan kejutan kuasa letrik. Perkara-perkara yang disebut ini semuanya boleh selain daripada membahayakan pengguna itu sendiri ia boleh menghapuskan hidupan-hidupan air yang bukan sahaja merupakan hasil tetapi merupakan satu perkara yang menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong. Jadi saya berpendapat kawalan untuk menjaga hidupan air ini kita mestilah mengetatkan berdasar kepada Undang-Undang yang telah ada bahkan itu sahaja tidak mencukupi, barangkali kita perlu memikirkan untuk mengadakan Undang-Undang tambahan untuk lebih berkesan lagi kawalan kita terhadap hidupan-hidupan air ini. Misalnya di Tasik Kenyir, kita boleh buat satu Undang-Undang selain daripada kita menguatkuasa Undang-Undang yang ada kita tidak benarkan sebarang alat tangkapan selain daripada kail, kita tidak benarkan pukat, kita tidak benarkan lain-lain tangkapan kecuali yang boleh cuma mengail sahaja. Jadi, cara ini kita boleh menjaga hidupan di air itu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apabila tadi saya mengatakan sungai-sungai ini sudah lama tidak digunakan sebagai alat perhubungan hal ini menyebabkan sungai-sungai kita boleh di katakan tidak terjaga, banyak pokok-

10 APRIL 1988

pokok yang tumbang terbiar, banyak perahu-perahu buruk tersadai kerana tidak ada siapa yang menghiraukan perkara ini. Kalau dahulu sungai ini sentiasa digunakan kadang-kadang penduduk-penduduk setempat mengadakan gotong royong untuk membersihkan sungai-sungai tetapi pada masa ini oleh kerana sungai ini tidak digunakan lagi sebagai lalulintas kecuali beberapa tempat maka keadaan ini telah berlaku. Ini sesungguhnya telah menghalang, telah merosakkan keindahan sungai-sungai kita, kalau kita biarkan ini berterusan maka matlamat kita untuk menarik pelancongan menerusi sungai-sungai kita ini akan gagal. Jadi oleh sebab itu saya mencadangkan supaya jabatan-jabatan yang berkenaan mengambil berat untuk membersihkan sungai-sungai ini. Saya berpendapat apabila sungai-sungai ini dibersih kita bukan sahaja mengekalkan keindahan sungai-sungai itu tetapi kita juga boleh menolong untuk mengatasi masalah banjir di negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya masih bercakap tentang bagaimana cara kita hendak menarik pelancong supaya bot-bot yang akan kita lesenkan ini mendapat penumpang, kita tidak mahu bot-bot yang kita lesenkan ini akan mati sekerat jalan sahaja tidak sampai tempoh sebulan kerana tidak ada penumpang, jadi di Tasik Kenyir khasnya kita perlu mengadakan perkara-perkara yang boleh menarik pelancong. Saya amat tertarik kepada satu Empangan yang saya lihat, minta maaf Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jauh tempatnya, iaitu di Saskatchewan, Kanada. Sebab saya berpeluang menyertai rombongan CPA pada tahun 1976 dan saya telah melawat satu Empangan yang jauh lebih kecil daripada Empangan Kenyir, 1/3 kecil daripada Empangan Kenyir tetapi yang mengagumkan kita ialah persiapan, persediaan kemudahan untuk menarik pelancong ini disiapkan dengan begitu baik. Yang saya maksudkan ialah dia ada satu pusat maklumat, satu bangunan lebih kurang seperti di Rantau Abang yang memberi maklumat tentang penyu, di dalamnya mempunyai satu daripadanya ialah model Empangan itu sendiri. Kemudian ada satu bilik tayangan video dimana di dalamnya ditunjukkan proses pembinaan dam itu. Jadi ini sebelum kita membuat lawatan kita diberi dahulu maklumat-maklumat awalan ini dengan sebab itu kita rasa lebih menarik dan keinginan kita untuk melihat Empangan, melihat di sekitar empangan itu lebih timbul. Jadi sebab itu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa yang bertanggungjawab kepada pelancongan membuat perundingan dengan pihak LLN supaya mengadakan sebuah pusat maklumat di Empangan Kenyir ini untuk kemudahan pelancong-pelancong. Bukan sahaja kita memerlukan satu model dam, satu bilik tayangan video tetapi sebagai tambahan saya suka mencadangkan sebuah aquarium kecil hendaklah dibina di pusat maklumat ini yang menunjukkan jenis-jenis hidupan air yang ada di Tasik Kenyir itu sendiri. Sebagai contoh yang besar ialah Ikan Kelah yang kalau dimasukkan ke dalam Aquarium ianya begitu menarik. Jadi saya percaya dengan kita mengadakan perkara ini bot-bot yang kita akan lesenkan ini akan mendapat pasaran dan akan menjadi rebutan kepada orang-orang untuk mendapatkan lesen-lesen bot ini.

10 APRIL 1988

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di dalam Enakmen ini tidak disebut dengan jelas tentang keselamatan tetapi walau pun begitu misalnya di dalam Seksyen 5(2) disebut - "sebelum mengeluarkan satu lesen Pegawai Pelesen hendaklah memeriksa perahu dan memuaskan diri sendiri bahawa perahu itu selamat dan sesuai bagi maksud mengenai lesen dipohon. Jadi saya minta untuk melaksanakan seksyen ini supaya Pegawai Perlesenan mempunyai pengetahuan yang agak luas tentang bot ini. Yang pertama, bot ini mestilah sesuai dengan keadaan sungai dan keadaan di dalamnya dengan bangku tempat-tempat duduknya hendaklah sesuai, bukan sahaja sesuai bagi orang-orang Malaysia atau bagi orang-orang Hulu Terengganu tetapi sesuai untuk orang-orang Kuala Lumpur, untuk orang-orang Indonesia, untuk orang-orang dari luar negeri, Amerika dan sebagainya. Misalnya kalau kerusinya begitu sempit tentulah susah bagi orang-orang Amerika yang lututnya panjang-panjang itu hendak duduk, ini maksud saya, sesuai. Jadi kita tidak mahu satu lesen diberi kepada bot yang tidak mempunyai kemudahan ini apabila orang luar datang naik bot ini dia akan merungut kerana sesuatu yang tidak kena. Jadi rungutan ini akan dibawa balik ke negerinya dan ini akan merosakkan image kita dari segi menarik pelancongan ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi dalam hal ini kita tidak mahu, kesimpulannya kita tidak mahu orang yang datang itu merasa serik, kita mahu datang sekali - mahu datang dua kali. Jadi dalam hal ini saya membawa contohlah satu, dimana perasaan sebagai pelancong ini begitu rasa tidak puas hati yang menyebabkan tidak mahu lagi kita hendak pergi kepada tempat itu, peristiwa yang berlaku di Negeri Terengganu pada bulan lepas apabila Negeri Terengganu mengadakan Seminar Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri bagi Negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan. Satu daripada acara lawatan kita yang telah diatur ialah lawatan ke Bilik Pameran Suterasemai. Lawatan kita ini telah diberitahu dengan surat kepada pihak Pengurus Suterasemai tetapi apabila lawatan ini dibuat, semua ahli rombongan ini datang termasuklah Ketua Audit Negara, alangkah terperanjatnya saya kerana tidak ada sebarang sambutan, keadaan Bilik Pamiran Sutera Semai itu berkeadaan biasa dengan pelepas nyior yang ada, saya nampak di tepi tangga dan apabila kita masuk, terperanjat lagi, tidak ada orang-orang yang memberi penerangan kepada kami kecuali Pengurusnya seorang sahaja, tidak ada pembantu-pembantu, tidak ada taklimat dan tidak ada sebarang minuman yang saya rasa tidak sepatutnya berlaku kerana Sutera Semai ini telah dihebohkan di akhbar-akhbar sebagai satu kemegahan bagi Negeri Terengganu tetapi apabila kita pergi, ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kelantan, Pahang dibawa ke situ maka apa yang berlaku di situ saya sendiri sebagai mewakili Negeri Terengganu sangatlah merasa kecil hati, merasa malu kerana tidak ada suatu pun yang boleh menarik supaya orang ini pergi, suatu pun yang boleh menarik supaya Ahli-ahli Yang Berhormat apabila balik ke Negerinya membuat kempen atau pun menceritakan perkara-perkara yang baik yang berlaku di Sutera Semai ini. Jadi hal inilah yang saya rasa kelemahan kita terutama dari segi kita hendak menarik pelancong ini sebab kita pernah, saya sendiri pernah melawat beberapa negara, di pusat-pusat seperti ini seperti di Thailand dan di Indonesia tetapi apabila kita buat lawatan begitu menarik apa lagi kalau lawatan ini yang rasmi, yang diatur

10 APRIL 1988

lebih dahulu, yang diberitahu lebih dahulu menyebabkan kita rasa hendak pergi sekali lagi. Jadi saya harap perkara ini tidak berlaku lagi kepada tempat-tempat baru yang kita cuba hendak perkenalkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya berpindah kepada dari segi keselamatan. Saya ada menyebut tadi mengatakan di sungai-sungai ini pernahlah berlaku....

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Agak panjang lagi Yang Berhormat benda bercakap?

YANG BERHORMAT ENCIK HASSAN BIN HAJI SAID: ... Ada lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua....

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk dulu - Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin tangguhkan Dewan selama setengah jam.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

10 APRIL 1988

PUKUL 11.10 PAGI.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang BerhORMAT sekelian, mesyuarat di sambung semula. Saya jemput Wakil Jabi untuk meneruskan ucapan.

YANG BERHORMAT ENCIK HASSAN BIN HAJI SAID: ... Terimakasih Yang BerhORMAT Dato' Yang Dipertua. Seperti yang saya katakan sekejap tadi bahawa di sungai-sungai banyak berlaku kemalangan-kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa dan sehingga mayat tidak ditemui pun pernah berlaku. Jadi saya yakinlah Enakmen ini diantara lain ialah bertujuan untuk mengatasi seberapa yang dapat berhubung dengan kemalangan-kemalangan ini. Biasanya kemalangan ini berlaku kepada rakyat negeri ini iaitu penduduk-penduduk di pendalamam, jarang-jarang melibatkan orang-orang luar tetapi jika sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah awal mungkin kemalangan-kemalangan seperti ini berlaku dan kali ini apabila bot-bot ini berjalan mungkin akan melibatkan lebih ramai orang dan mereka-mereka itu mungkin dari negara-negara luar. Jadi, kalau ini berlaku, ini merupakan satu daripada halangan, satu daripada perkara buruk yang boleh menjauahkan pelancong-pelancong untuk datang ke Negeri kita. Jadi, untuk itu saya sukalah memberi syor, pandangan supaya pegawai-pegawai perlesenan memberi perhatian - pertamanya di dalam Enakmen ini barangkali tidak disebutkan dengan khusus berhubung dengan sekatan operasi bot-bot ini. Kita tahu di Negeri Terengganu khususnya setiap tahun berlaku banjir dan pada masa banjir inilah sungai-sungai kita menjadi begitu merbahaya. Jadi, jika rasanya perlu maka kita terpaksa mengadakan sekatan, maknanya musim banjir mengikut sukatana air sekian-sekian maka tidak dibenarkan lagi bot-bot yang dilesenkan ini menjalankan perkhidmatannya tentulah ini boleh dilakukan sebab di setiap sungai dalam Negeri Terengganu mempunyai ukuran-ukuran parabahaya, paraberjaga-jaga dan sebagainya. Jadi di dalam lesen bot-bot ini hendaklah dicatit, pada pendapat saya, sekatan-sekatan perkhidmatan iaitu masa-masa bot ini tidak dapat menjalankan perkhidmatannya.

Yang BerhORMAT Dato' Yang Dipertua, di dalam Enakmen ini juga tidak disebut tentang kelayakan membawa bot. Saya berpendapat pemandu bot ini memerlukan kemahiran yang tertentu, jadi tidak boleh sebarang orang memandu bot apa lagi kalau membawa penumpang-penumpang. Jadi pada pendapat saya untuk menjaga keselamatan penumpang-penumpang, maka pegawai perlesenan hendaklah memastikan bahawa orang yang akan mengendalikan bot ini ialah orang-orang yang mempunyai kelayakan, boleh jadi terpaksa pihak yang berkuasa mengadakan ujian-ujian untuk pemandu-pemandu bot ini seperti mana yang dibuat kepada pemandu-pemandu bas atau pun pengangkutan-pengangkutan awam yang lain.

Yang BerhORMAT Dato' Yang Dipertua, begitu juga untuk menjaga keselamatan, saya rasa yang paling penting sekali ialah apabila kita mengenali satu-satu kawasan dan telah dijadikan pusat pelancongan, misalnya kita kenali Tasik

10 APRIL 1988

Kenyir itu sebagai satu kawasan yang khusus untuk pelancongan maka kita terpaksalah mengadakan kawalan dari segi pintu masuknya. Tempat-tempat masuk ini tidak boleh sebarang tempat cuma ialah tempat-tempat yang tertentu sahaja. Jadi kita boleh menetapkan dua atau tiga sahaja pintu masuk yang halal. Dengan penentuan pintu-pintu masuk ini maka bolehlah kita mengadakan kawalan untuk memeriksa setiap orang yang masuk ke kawasan itu tidak membawa bahan-bahan yang boleh membahayakan diri mereka sendiri, membahayakan hidupan air, membahayakan orang-orang lain juga.

Begitu juga berhubung dengan pengkalan-pengkalan di mana bot-bot ini boleh berlepas dan di mana bot ini boleh berhenti, boleh menurunkan penumpang-penumpang, ini juga penting terutama di kawasan-kawasan pelancongan. Barangkali ada pulau di tengah-tengah Tasik Kenyir itu kita ujudkan dia sebagai tempat hidupan liar dengan tujuan untuk pelancong-pelancong dapat melihat. Jadi untuk menjaga keselamatan hidupan-hidupan liar di pulau ini barangkali menasabah juga jika sekiranya kita tidak membenarkan bot-bot ini mendarat di tempat-tempat seperti ini, bot-bot ini cuma boleh lalu sahaja mengelilingi pulau itu misalnya tetapi tidak boleh mendarat. Ini ialah untuk menjaga hidupan liar di situ. Jadi inilah saya rasa penting kita menentukan dengan tegas tempat-tempat dimana bot ini boleh mengambil dan menurunkan penumpang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu lagi, hubungan dengan pemandu. Pemandu tadi, bukan sahaja kita berkehendakkan pemandu yang mempunyai pengalaman dan kelayakan, kakitangan bot itu sendiri hendaklah dilatih cara-cara untuk menghadapi kemalangan, cara hendak menolong mangsa-mangsa kemalangan. Kita tidak mahu kakitangan-kakitangan bot ini sendiri yang tidak pandai berenang misalnya, jadi mereka ini juga perlu dilatih sepertimana latihan yang diberi kepada paramugara dan paramugari di syarikat-syarikat penerbangan. Jadi kalau berlaku apa-apa kemalangan maka mereka ini sudah sekurang-kurangnya bersedia bagaimana cara hendak buat untuk menyelamatkan mangsa-mangsa kemalangan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa itulah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya mengucapkan terimakasih, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KASSIM BIN ENDUT: Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya menyokong penuh Enakmen Lalulintas Sungai 1988 ini. Sepatutnya Enakmen ini sejak dahulu dibuat tetapi oleh kerana kesedaran Kerajaan terhadap penambahan bot-bot yang semakin banyak dari semasa kesemasa maka Enakmen ini telah dibuat di dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua,

10 APRIL 1988

satu perkara yang kita kena ingat dalam menjalankan atau pun apabila Enakmen ini di luluskan, dari segi kaedah-kaedah dan juga dari segi peraturan-peraturan yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan Enakmen ini perlu juga diberi perhatian atau pun diambil perhatian oleh pihak Kerajaan kerana kita sedia maklum hari ini walau pun Enakmen ini baru dibuat dan akan di jalankan setelah diwartakan tetapi terhadap perlesenan-perlesenan bot ini memang sudah lama ada iaitu perlesenan bot penumpang dan juga perlesenan bot nelayan yang mana mereka menggunakan sungai sebagai lalulintas dan juga tempat simpanannya. Maka apabila kita menjalankan Enakmen ini kita percaya dan mungkin terkandung dalam Enakmen ini saya difahamkan bahawa lesen-lesen yang lain tidak dikenakan melainkan lesen yang telah dikenakan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan berhubung dengan bot-bot tersebut. Tetapi perkara yang perlu diambil berat ialah mengenai kedudukan bot-bot itu sendiri, simpanan bot-bot itu sendiri kerana saya terbaca dalam Fasal 13 mengenai Enakmen ini banyak perkara-perkara yang perlu dijaga dan diawasi oleh pihak pemegang-pemegang lesen iaitu perahu-perahu di bawah Enakmen ini iaitu tentang kesukaran orang-orang awam. Saya bimbang ini akan diambil kesempatan oleh setengah-setengah golongan atau pun orang-orang awam apabila mendapati bot-bot yang disimpan atau pun ditambat di tebing-tebing sungai akan menjadi penghalang kepada lalulintas mereka dan mereka akan mengambil tindakan menerusi laporan-laporan tertentu kepada pihak-pihak yang berkuasa sebagaimana fasal-fasal yang dinyatakan di bawah kuatkuasa di dalam Enakmen ini. Jadi soalnya sekarang kita kena faham kedudukan sungai di Terengganu ini sendiri bukannya sebuah sungai yang luas seperti mana terdapat di Negeri Mesir, Cina dan sebagainya. Sungai kita ini sempit dan bot-bot kita pun boleh dikatakan banyak, maka tentulah mereka ini menggunakan tambatan-tambatan mereka atau pun simpanan-simpanan bot mereka di merata-merata tempat dan di mana juga ruang yang dapat mereka tambat. Maka disinilah akan digunakan kesempatan oleh pihak-pihak tertentu terutama orang-orang awam apatah lagi kalau ada perasaan dengki dan sakit hati kepada satu-satu golongan itu maka akan terjadilah huruhara dan bawalah kepada satu laporan kepada pihak yang berkuasa. Jadi perkara-perkara yang seperti ini perlu di awasi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan dalam soal Enakmen ini kita ada dua peringkat - Yang pertama, soal lalulintas dan yang keduanya soal sungai itu sendiri. Dan keadaan sungai itu sendiri hari ini boleh dikatakan kedudukan lalulintas kita terutama sekali sungai Kuala Terengganu sendiri memang tidak selesa. Kita ambil lesen menerusi Enakmen ini maka kedudukan sungai kita hari ini boleh dikatakan tidak selesa, yang pertama apatah lagi ada kerja-kerja menggali laluan-laluan kapal dan sebagainya yang menyebabkan tambunan-tambunan pasir di dalam sungai maka sudah tentu sungai ini cetek dan dalam soal sungai ini cetek, sungai ini tohor maka bot nelayan yang memang menggunakan sungai sebagai tempat singgahan bot mereka tidak boleh tambat terus ke tebing, mereka terpaksa tambat ke tengah sungai. Apabila tambat ke tengah sungai maka dengan sendirinya menghalang lalu lintas, apakah pihak Kerajaan menerusi kaedah yang akan dibuat mereka yang mendapat kemudahan seperti ini akan diambil tindakan pada suatu masa, ini juga perlu difikir dan di hati-

10 APRIL 1988

hati dalam membuat kaedah-kaedah setelah Enakmen ini diluluskan oleh pihak Kerajaan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu perkara lagi yang kita kena ingat ialah dalam beberapa fasal yang tercatit ialah perkecualian lesen. Saya percaya perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak membuat kaedah dan juga pihak Kerajaan supaya pengeluaran lesen akan dikenakan kepada pihak-pihak tertentu umpamanya kalau-lah perahu itu kegunaan untuk sukan tidakkanlah kita hendak ambil lesen, saya percaya ini dapat dikecualikan. Perahu jalur, kalau hendak letak lesen pun terpaksa cari papan sakeping letak di belakang - tulis "TERENGGANU No.Lesen xxxx " ini pun kita kena ambil kira, saya percaya ini dalam pengetahuan Kerajaan tetapi mengingatkan supaya ada pengecualian-pengecualian selain daripada pengecualian yang dibuat kepada kepunyaan Raja, Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan, ini kita kena ambil di bawah kaedah-kaedah yang tertentu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka menyualkan juga kedudukan hari ini kepada Enakmen ini dan kaedah-kaedah tertentunya apabila Enakmen ini diluluskan. Yang pertamanya adakah satu masa akan datang Kerajaan akan menetapkan disinilah tempat perhentian bot, tidak boleh dimana-mana seperti "Bus Stand" dan sebagainya kerana semuanya dah ada lesen dan kita hendak tengok bahawa bot kita ini rapi, bagus, semacam kata Yang Berhormat Wakil Jabi tadilah bahawa pelancong pun tidak tengok, tidak terpandang, tidak tertengok singgah di sana sini, adakah satu masa akan dibuat khas tempat-tempat perhentian bot dan juga begitu juga saya ingin tahu adakah satu masa Kerajaan akan menentukan bahawa di sini sahaja tempatnya boleh simpan bot, tempat-tempat lain tidak boleh, ini juga perlu dikaji. Kalau tidak dibuat begitu ertinya semua anak-anak sungai semuanya ada tebing, di mana ada di rumah berhampiran maka dibolehkan kita tambat bot. Jadi tidak ada ertinya kita hendak tengok keindahan anak-anak sungai di Negeri kita ini sendiri. Saya harap di bawah kaedah dapat Kerajaan menentukan kedudukan yang seperti ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin hendak menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini yang pertama di samping kita menjalankan atau pun membuat keputusan tentang Enakmen ini kita juga kena sedar bahawa sungai-sungai di Negeri Terengganu kita ini tidak begitu selamat dengan lalu lintas dan juga simpanan bot kerana barangkali dah keadaan "nature" keadaan alam semula jadi, tebing-tebing sungai kita ini tinggi dan ada setengahnya kalau berpasir, berpasirnya landar. Jadi soalnya untuk hendak menyimpan bot secara selesa memang tidak dapat kerana yang pertamanya ialah tebing-tebing tinggi menerima hakisan-hakisan tertentu dan hakisan-hakisan ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak Kerajaan supaya keselamatan orang ramai kita jaga bukan sahaja terhadap bot tetapi terhadap rumah-rumah rakyat, rumah-rumah orang awam hari ini yang sudah berhampiran dengan tebing-tebing yang menerima hakisan tadi jadi apakah kedudukan yang seperti ini walau pun ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan sungai tetapi kita perlulah bahawa rumah-rumah awam ini juga kita kena ambil perhatian. Jadi saya menerusi Enakmen ini setelah diluluskan saya suka mengesyurkan kepada Kerajaan supaya membuat kajian

10 APRIL 1988

dimana sepatutnya sejauh manakah rumah-rumah rakyat, rumah-rumah orang kampung ini yang tinggal di tebing-tebing sungai jarak mana yang patut didirikan rumah kerana menjaga keselamatan mereka dengan keadaan sungai yang tidak teratur lagi sekarang. Kita perlu buat kajian kerana negara kita ini bukan sahaja dari segi hakisan sungai tetapi juga masalah banjir menjadi satu masalah yang besar kepada rakyat negeri kita. Jadi kita berharaplah Kerajaan membuat kajian-kajian tersebut terhadap penduduk-penduduk yang tinggal di tepi sungai.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga suka menyarankan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan tertentu yang ada kaitan dengan tebing-tebing sungai ini supaya adakan satu penyelarasan yang rapi tentang kilang-kilang samada kilang gergaji atau pun apa juga kilang-kilang yang boleh mengeluarkan bahan-bahan atau pun sisa-sisa daripada kilang tersebut supaya jangan membuang kedalam sungai sebab saya perhatikan ada beberapa buah kilang yang letaknya ditebing-tebing sungai yang telah diluluskan oleh pihak-pihak tertentu maka mereka menggunakan sungai itu sebagai tempat buangan sisa-sisa bahan-bahan yang diproses. Jadi kalau ini juga tidak diselaraskan hingga sekarang maka kecemaran bukan sahaja kecemaran alam berlaku tetapi kecemaran sungai juga akan berlaku. Jadi perkara-perkara ini juga patutlah kita selaraskan supaya keadaannya teratur dan sungai-sungai kita ini kelihatan baik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu perkara lagi yang suka saya nyatakan di sini, saya berharap benar-benar supaya segala lesen-lesen yang lain daripada lesen lalulintas perahu ini apabila hendak dikeluarkan juga mempunyai penyelarasan yang baik dengan Enakmen ini terutama sekali pengambilan pasir dan lain-lain juga kerja, kegiatan-kegiatan industri atau pun kilang-kilang yang ada hubungan dengan sungai kerana kadang-kadang kita membenarkan pengambilan pasir-pasir dia ada dua cara - yang pertama mungkin pasir itu boleh mendalamkan sungai tetapi yang kedua mungkin juga akibat pengambilan pasir itu menjadikan hakisan tebing-tebing sungai. Jadi perkara ini perlu diambil perhatian ketika hendak mengeluarkan lesen-lesen tertentu apabila menggunakan sungai sebagai bahan-bahan kegiatan mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa cukup sekadar itu ringkasan saya yang dapat saya berikan kepada Dewan Yang Mulia ini dan saya berharap menerusi Enakmen ini Kerajaan hendaklah membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan tertentu kerana saya bimbang kaedah ini bukan sahaja memberi menyenangkan kepada rakyat tetapi satu masa menyusahkan pula kepada rakyat tentang lesen-lesen perahu yang diberi itu dan saya juga suka mengambil perhatian daripada ucapan Yang Berhormat Wakil Jabi tadi kalau kita hendak menjalankan Enakmen ini janganlah menjalankan secara ketat sangat, kalau hendak kena peraturan lesen bawa bot, lesen yang kakitangan bot saya rasa ini tidak berlaku dalam sungai, barangkali Yang Berhormat ini bercakap macam hendak pergi ke Pulau Redang, ke Pulau Perhentian, barangkali semacam itulah, tetapi kalau dalam sungai banyaklah rezeki orang terputus terutama bot-bot penambang tidakkanlah hendak pergi ambil kursus lesen pula, bukan senang

10 APRIL 1988

hendak dapatkan kursus hanya peraturan-peraturan tertentu sahaja yang diberi. Kita berharap supaya jangan mengetatkan kedudukan-kedudukan yang seperti ini. Walau bagaimana pun kita pulanglah kepada kaedah dan peraturan yang akan dibuatkan oleh pihak yang berkuasa.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT WAN MUDA BIN MOHD.: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan terimakasih banyak kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk membahas sama Enakmen Lalulintas Sungai yang sedang di perbincangkan sekarang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Enakmen Lalulintas Sungai 1988 yang sedang kita perbincangkan sekarang ini saya tidak sekali-kali berfikir bahawa dengan ujudnya Enakmen Lalulintas Sungai ini pihak Kerajaan kita telah ketandusan untuk memungut cukai-cukai daripada rakyat tetapi oleh kerana pihak Kerajaan kita memikirkan bahawa ada segolongan manusia perlu di beri perlindungan maka Enakmen ini diadakan dan kita perbahaskan pada hari ini. Semangat yang sebenar kepada Enakmen ini pada pendapat saya ialah untuk memberi perlindungan kepada pemunya-pemunya bot, pengusaha-pengusaha pelancongan dan juga kepada penumpang-penumpang itu sendiri. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak akan menyentuh Enakmen Lalulintas Sungai ini secara keseluruhan tetapi saya akan membawa perhatian Dewan yang mulia ini khusus kepada penggunaan bot-bot yang begitu banyak di tasik buatan manusia iaitu Tasik Kenyir. Oleh kerana pihak Kerajaan berusaha untuk menjadikan Tasik Kenyir suatu tempat pelancongan yang terkenal bukan sahaja di kaca mata rakyat Malaysia malah juga terkenal di dunia luar. Lantaran itu sukacita saya menyarankan supaya pihak Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah segera keatas beberapa perkara yang saya rasa agak begitu penting. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertamanya sukacita saya menyentuh sedikit tentang kebersihan Tasik Kenyir itu sendiri. Ketenangan Tasik Kenyir, kehijauan rimba semula jadi telah dicemar oleh pokok-pokok kayu yang telah lama mati. Pokok-pokok kayu yang telah lama mati ini bukan sahaja mencemarkan pandangan para pelancong tetapi juga akan membahayakan kepada mereka yang lalu lalang berhampiran di sisir tebing apatah lagi kalau pada waktu petang di mana tasik kenyir itu sendiri akan berkocak dan mungkin apabila datang angin ribut ianya membahayakan kepada bot-bot yang lalu lalang di tepi persiaran tebing itu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana di Tasik Kenyir ini adalah suatu tasik yang begitu terkenal hari ini yang saya kira begitu banyak pelancong-pelancong daripada luar daripada Negeri Terengganu mengunjungi Tasik Kenyir ini menggunakan bot-bot yang ada di Tasik Kenyir itu dan saya kira bot-bot pelancong, pengusaha-pengusahanya

10 APRIL 1988

tidak kurang daripada 10 buah pada hari ini yang menggunakan lalulintas di permukaan air Tasik Kenyir itu dan saya juga yakin bahawa Enakmen ini diujudkan adalah oleh kerana tersebarnya di dalam surat khabar yang tidak berapa lama dahulu berhubung dengan perlesenan bot-bot di Tasik Kenyir. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penguatkuasaan kepada Enakmen ini saya rasa mungkin akan timbul satu permasalahan di kemudian hari kepada Enakmen ini yang saya perhatikan ialah Pegawai Pelesen itu yang akan menjadi Penguatkuasa iaitu kalau di daerah-daerah ianya Pegawai-pegawai Daerah dan berkemungkinan oleh kerana di Pejabat-pejabat Daerah ini hanyalah berkemungkinan juga pegawai-pegawai tertentu sahaja yang akan diberi kuasa untuk penguasaannya samada Pegawai Daerah sendiri atau pun penolong-penolongnya yang mana bilangan mereka ini amat kecil sekali sudah tentulah saya kira penguatkuasaan kepada bot-bot yang ada di Tasik Kenyir itu mungkin akan timbul menjadi satu masalah. Saya rasa semangat Enakmen ini tidak akan tercapai seandainyalah penguatkuasaan tidak dapat dijalankan. Pihak Kerajaan kita telah pun banyak meluluskan Enakmen-enakmen tetapi masih lagi terdapat masalah-masalah penguatkuasaan.

Pada Dewan yang lepas Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan Enakmen Keluarga Islam yang mana saya rasa sehingga hari ini walau pun Enakmen itu telah pun kita luluskan sudah hampir setahun, mungkin, tetapi masih lagi perkara-perkara yang bertentangan dengan Enakmen itu berleluasa di dalam Negeri kita ini, inilah saya rasa penguatkuasaan timbul yang akan menjadi masalah kepada kelincinan perjalanan Enakmen ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sukacita saya berbalik kepada masalah di Tasik Kenyir. Di Tasik Kenyir hari ini kita memanglah agak begitu terkenal bukan sahaja dengan ratusan pulaunya tetapi malah juga Tasik Kenyir itu telah pun menjadi sumber rezeki kepada setengah-setengah golongan iaitu dengan cara menangkap ikan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sungguh berasa sedih kerana ada golongan-golongan manusia yang kurang bertanggungjawab yang menggunakan penangkapan ikan yang begitu berleluasa di Tasik Kenyir ini menggunakan bom-bom sepetimana yang di utarakan oleh saudara saya Yang Berhormat Wakil Jabi tadi dan juga kejutan letrik, menggunakan pukat dan juga kail. Dan ada juga pula setengah-setengah daripada penangkapan-penangkapan ikan ini menggunakan racun di Hulu-hulu Sungai. Jadi apabila keadaan menggunakan racun di Hulu-hulu Sungai, penangkapan-penangkapan ikan ini hanyalah mengambil ikan-ikan yang besar sahaja dan ikan-ikan yang kecil di tinggalkan mati dan perkara ini akan menjadi busuk di kemudian hari dan sudah tentulah saya kira ianya bukan sahaja mencemarkan keadaan kebersihan di muara sungai itu sendiri tetapi juga ianya akan menjadi suatu penghalang kepada pelancong-pelancong yang akan melancong di Tasik Kenyir itu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penggunaan bom di Tasik Kenyir ini bukanlah satu perkara baru tetapi ianya sudah perkara lama berlalu tetapi walau pun pihak pemimpin-pemimpin masyarakat setempat berusaha untuk menghalang daripada penggunaan bom ini tetapi nampaknya tidak berjaya. Yang saya berasa sedihnya

10 APRIL 1988

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penggunaan penangkapan ikan melalui bom ini baik bom buatan sendiri mahu pun bom yang telah di reka khas oleh segolongan manusia itu ada diantaranya mereka-mereka ini yang mengetahui tentang selok belok masalah penyalahan kegunaan bom-bom ini dan perkara ini saya rasa mencerminkan kepada masyarakat di kampung itu sendiri satu perbuatan yang tidak baik kepada mata umum dan seharusnya pihak Kerajaan kita mengambil langkah yang positif untuk mencegahkan penggunaan bom-bom di Tasik Kenyir itu berleluasa. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di Tasik Kenyir itu juga kalau kita pergi pada hari ini saya rasa baik di antara kita atau pun diantara pelancong-pelancong yang akan pergi ke Tasik Kenyir ianya tidak mempunyai satu matlamat tertentu, ianya tidak ada satu tempat yang tertentu untuk pergi melihat dan sebagainya kerana sebahagian daripada Tasik Kenyir itu telah pun termasuk dalam Taman Negara yang mana ianya telah menjadi larangan kepada mana-mana orang untuk memasuki kawasan itu dan kawasan yang saya kira yang agak begitu cantik dengan pasir sungainya yang begitu indah ialah di Sungai Cacing dan Sungai Cacing ini ialah termasuk dalam kawasan larangan. Jadi, mana-mana mereka yang pergi melancong ke Tasik Kenyir itu dengan menyewa bot-bot tidak ada arah yang begitu tepat untuk mereka tuju. Ada di antara mereka terpaksa mereka ini tinggal di dalam bot dan juga ada diantara mereka tinggal di dalam kongsi-kongsi balak yang terapung-apung di atas air itu. Justeru itu saya kira pihak Kerajaan kita perlulah mengadakan satu-satu tempat yang khusus bagi pelancong-pelancong kita yang akan pergi ke Tasik Kenyir supaya mereka ini dapat berihat dan sebagainya. Tidak dinafikan ada sebuah bangunan yang telah didirikan oleh Pegawai Daerah Hulu Terengganu tetapi bangunan ini bukanlah untuk pelancong-pelancong yang akan pergi ke Tasik Kenyir itu. Juga saya rasa di Tasik Kenyir ini sendiri kalau kita mahu melihat supaya pelancong-pelancong datang lebih ramai lagi perlu kita mengadakan kemudahan-kemudahan tertentu. Hari ini tidak ada tandas, tidak ada kemudahan tempat mandi dan tidak ada kemudahan tempat persalinan dan sebagainya. Mereka-mereka yang pergi ke Tasik Kenyir ini akan membuangkan najis-najis mereka di dalam semak-semak dan sebagainya dan juga saya rasa untuk menarik lebih ramai pelancong ke Tasik Kenyir ini perlulah juga pihak Kerajaan kita mengadakan satu tempat khusus, tempat perkemahan dan sebagainya dan dengan cara inilah juga saya rasa apabila pihak Kerajaan mengadakan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi maka sudah tentulah saya kira pihak pelancong-pelancong sama ada dalam negeri mahu pun di luar negeri yang akan melancong ke Tasik Kenyir itu akan lebih selesa dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin berbalik sedikit tentang kebersihan Tasik Kenyir itu tadi di mana permulaan ucapan saya tadi ada saya menyentuh tentang kayu-kayu yang begitu reput, yang telah mati begitu lama. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau hari ini kita pergi ke Tasik Kenyir, tasik yang begitu tenang, rimbanya yang begitu hijau semula jadi telah tercemar dengan keadaan pokok-pokok kayu yang mungkin saya rasa berjuta yang telah mati, hanyalah tinggal ranting-ranting dan rangka-rangka kayu yang

10 APRIL 1988

ada di persisiran tebing sungai itu. Perkara ini sebagaimana yang saya katakan tadilah bukan sahaja membahayakan kepada pengguna-pengguna Tasik Kenyir itu terutama apabila datangnya ribut, hujan dan sebagainya oleh kerana apabila datang hujan atau pun ribut bot-bot yang ada di Tasik Kenyir itu tidak dapat berlabuh di tengah laut oleh kerana bimbang takut tenggelam tetapi apabila mereka pergi ke persisiran tebing mereka juga bimbang akan dihempap oleh pokok-pokok kayu yang telah reput itu dan saya rasa pembersihan perlu diadakan segera untuk membersih kayu-kayu yang telah reput, yang telah mati ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sukacita juga menyentuh sedikit tentang dari segi keselamatan sebagaimana yang telah di sentuh oleh saudara saya Wakil daripada Jabi tadi iaitu dalam Enakmen ini tidak sedikit pun disentuh berhubung dengan masalah Insuran, walau pun di atas darat kemalangan berlaku dan mungkin juga di dalam sungai perkara ini tidak dapat dielakkan oleh kerana terutama sekali pada musim banjir dan juga kalau di Tasik Kenyir itu mungkin juga berlaku kemalangan oleh kerana ada kayu-kayu yang telah reput tadi yang tidak nampak dilihat yang tinggal di dalam sungai dan apabila bot-bot tadi lalu sudah tentulah apabila terlanggar ia mungkin akan terlingkup dan sebagainya dan saya rasa untuk memberi perlindungan yang lebih wajar bukan sahaja kepada pengusaha-pengusaha bot malah juga kepada pelancong-pelancong yang akan menggunakan bot itu seharusnya lahir insuran pelindung perlu ditekankan di dalam Enakmen ini atau pun mungkin selepas daripada ini pihak Kerajaan Negeri kita mengadakan satu peraturan yang ada hubung kait dengan Enakmen ini dan saya berharap benarlah supaya diselitkan, supaya disentuhkan sedikit tentang insuran pelindung kepada pengusaha-pengusaha dan juga pengguna-pengguna bot ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah sahaja yang dapat saya sampaikan kepada Dewan Yang Mulia ini pada pagi ini dan saya sudahi dengan Was salamu-alaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG ABU BAKAR BIN SULONG: Bismillahir rahmanir rahim Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan yang saya hormati sekelian. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang sekadar beberapa minit sahaja bagi menambahkan lagi apa yang disarankan oleh rakan-rakan saya baru sekejap. Sepanjang sepagi yang lalu kita mengikuti perbincangan dan perbahasan berhubung dengan Enakmen Lalulintas di sungai, maka saya kira ada beberapa perkara belum lagi disentuh yang mana perkara ini sangat penting. Antara lain masalah keselamatan. Walau pun keselamatan banyak disentuh oleh saudara-saudara saya tadi tetapi keselamatan hanya tertumpu kepada ikan-ikan dan sungai yang akan dilalui oleh lalulintas di dalam sungai tersebut. Apa yang saya maksudkan, keselamatan bagi tempat untuk menuju ke sungai-sungai yang dilalui itu. Contohnya saya nampak Empangan Kenyir sebagaimana

10 APRIL 1988

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat baru sekejap. Apa yang dibimbangkan bom-bom untuk dibomkan ikan dan pokok-pokok kayu yang reput belum lagi dibersihkan tetapi saya nampak yang sangat penting iaitu tempat laluan pintu masuk khususnya ke Empangan Kenyir sebagaimana saya tahu bahawa di empangan-empangan yang terbesar di dunia ini seperti Empangan Aswan yang antara terbesar di dunia yang mana Empangan Aswan dapat menarik pelancong-pelancong luar negeri ribuan setiap hari tetapi disamping kemudahan pelancongan itu pihak pengguna Aswan itu sendiri telah mengadakan keselamatan yang begitu ketat, setiap individu, setiap orang yang pergi melancong ke Aswan diperiksa dengan alat pengesan keselamatan dan disamping itu juga setiap dua rantai atau tiga rantai sahaja dia mengadakan satu alat pengesan dan penangkis kapal terbang. Inilah satu perkara yang kepada saya sangat penting khususnya di Empangan Kenyir yang mana beberapa jalan masuk telah terbuka luas antaranya di Sungai Gawi, jalan ke Sungai Gawi keselamatan tidak begitu diketatkan begitu juga di pintu masuk Kenyir itu sendiri kerana semalam saya telah melawat ke sana hanya memeriksa Kad Pengenalan sahaja sedangkan di dalam motokar satu perkara pun tidak diperiksa. Jadi dengan keadaan keselamatan negara pada hari ini terancam dengan bermacam unsur sama ada luar atau dalam negeri sendiri. Jadi saya mencadangkan pintu masuk ke Sungai-sungai atau pun khususnya ke Empangan Kenyir di Hulu Terengganu ini diperketatkan dari segi keselamatan, tidak memadai Pegawai Keselamatan LLN sahaja. Sepatutnya pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah mengarahkan kepada Pegawai-pegawai Keselamatan untuk menambahkan lagi keselamatan di sekitar Empangan Kenyir pada hari ini. Begitu juga Yang Berhormat Milia Dato' Yang Dipertua, pada segi keselamatan ini saya nampak banyak lagi tempat-tempat yang penting yang perlu diberi perhatian antaranya PETRONAS dan LLN Paka. Bila kita melihat di malam hari kalau kita lalui dengan kereta atau bas jam dua, tiga, pagi tidak ada seorang pun Pegawai Keselamatan yang ada di tepi-tepi jalan. Saya kira ini adalah satu tempat yang sangat penting khususnya kepada Kerajaan Negeri Terengganu khasnya pada masa-masa yang tertentu tidak memadai Pegawai Keselamatan PETRONAS itu berada di pintu masuk sahaja, kalau boleh beberapa batu kita hendaklah mengadakan tempat halangan-halangan atau pun petunjuk yang menyatakan kawasan larangan dan berjaga-jaga masuk ke dalam kawasan tersebut kerana dengan adanya jalan yang begitu luas di tengah-tengah antara PETRONAS dan LLN saya rasa berhubung dengan Gas Asli dan Petroleum dan sebagainya ini sangat penting bagi keselamatan dan saya kira dan saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab dan yang berkewajipan diatas harta benda yang begitu besar itu perlu diberi keutamaan didalam segi keselamatan dan menjaga keselamatan di sekitar kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhirnya saya menyarankan dan saya menyokong penuh diatas Rang Undang-Undang ini dan setelah di luluskan saya berharap supaya peraturan-peraturan perlu ditambah dan diminta pihak-pihak yang tertentu supaya setiap perahu dan kenaikan ke Sungai Kenyir itu diperiksa sebelum dibenarkan masuk di kawasan tersebut dan saya kira perlu juga

10 APRIL 1988

perahu-perahu kecil tidak dibenarkan masuk ke dalam tempat di situ kerana bagi keselamatan penumpang dan sebagainya. Sebagaimana yang kita tahu bahawa ada perahu-perahu yang buruk yang kecil-kecil di tepi-tepi Empangan Kenyir itu yang mana hanya dapat memuatkan penumpang tidak lebih daripada tiga atau pun lima orang. Jadi saya kira kalau musim tengkujuh dalam kawasan Kenyir itu maka perahu seumpama itu tidak selamat lagi bagi penumpang-penumpang khususnya orang-orang yang tidak pandai berenang dan sebagainya dan juga di segi keselamatan ini saya sarankan setiap individu yang hendak masuk di kawasan itu hendaklah diperiksa dengan alat pengesan. Saya bimbang kalau tidak mungkin ada diantara orang yang mengunjungi tempat sana yang tidak jujur, bukan sahaja ikan yang dibom tetapi kawasan itu mungkin -

نَعُوذُ بِاللَّهِ

takut berlaku perkara yang tidak diingini masa akan datang. Jadi, setakat inilah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya terima kasih banyak kerana saya menambahkan sedikit sebanyak apa yang belum disentuh oleh rakan-rakan saya baru sekejap.

Sekian, wabillahit taufik Wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.
Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Dewan yang telah mengambil bahagian membahaskan Enakmen yang telah dibentangkan oleh saya pada pagi ini.

Setengah-setengah daripada perkara-perkara yang telah di bangkitkan memang menyentuh secara langsung dengan peruntukan-peruntukan Enakmen tetapi setengah-setengah daripadanya boleh dikatakan tidak ada hubungan langsung dengan Enakmen ini tetapi ada hubungan secara tidak langsung dan setengah-setengah perkara yang disentuhkan juga ada termasuk di dalam portfolio saya tetapi setengah-setengah daripadanya di luar daripada portfolio saya oleh kerana itu untuk menjawabkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan maka sukalah saya menumpukan jawapan saya ini kepada perkara-perkara yang ada hubungan langsung dengan Enakmen dan juga portfolio saya sahaja walau macam mana pun diatas pandangan-pandangan yang lain akan diambil perhatian dan seterusnya akan diambil perjalanan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Ada empat orang Ahli Dewan yang telah membahaskan Rang Undang-Undang ini iaitu Ahli daripada Jabi, Ahli daripada Bukit Tunggal, Ahli daripada Kuala Berang dan juga Ahli daripada Manir. Ada beberapa perkara yang penting yang telah disentuh oleh mereka - yang pertamanya ialah berkenaan dengan maksud ataupun faedah yang akan didatangkan oleh Enakmen yang dicadangkan ini dan yang keduanya ramai diantara ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah menyentuh tentang permasalahan pembangunan projek pelancongan di Tasik Kenyir khususnya berkenaan dengan kegiatan-kegiatan menangkap ikan yang

10 APRIL 1988

menghasilkan dan mengakibatkan kemasuhan ikan mereka juga telah menyentuh tentang masalah banjir dan juga masalah yang ada hubungan dengan sungai dan yang akhirnya, yang penting pada pandangan saya ialah berkenaan dengan pandangan yang meminta supaya pelaksanaan kepada Enakmen ini nanti akan dibuat dengan cara yang berkesan, yang berhati-hati dan tidak membangkitkan sebarang kesulitan masalah dan tidak membebankan rakyat negeri kita ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Enakmen Lalulintas Sungai 1988 ini adalah perlu bagi mengawal perahu-perahu atau pun bot-bot yang digunakan di sungai-sungai di luar kawasan perlabuhan dalam Negeri Terengganu memandangkan bahawa pada masa ini belum terdapat suatu Undang-Undang bersabit dengan perkara ini. Ini telah menimbulkan masalah dimana pada masa ini terdapat perahu-perahu atau pun bot-bot yang digunakan tanpa dilesenkan di sungai-sungai di luar kawasan pelabuhan iaitu di luar kawasan dua batu daripada kawasan perlabuhan dalam Negeri Terengganu ini. Dan setengah-setengahnya pula digunakan sebagai bot penambang tanpa lesen dan kegiatan ini tidak dapat dikawal oleh pihak Kerajaan pada masa ini. Keadaan dan masalah ini menjadi semakin ketara dan semakin mendesak sejak terbinanya Empangan Kenyir yang telah mengujudkan Tasik Kenyir dimana terdapat banyak bot-bot yang digunakan tanpa dilesenkan dan setengah-setengahnya pula digunakan sebagai bot penambang atau pun bot penumpang tanpa di lesenkan. Pada masa ini mengikut kajian yang dibuat tidak begitu lama dahulu terdapat sebanyak 40 buah bot di Tasik Kenyir. 15 daripadanya terlibat dengan kegiatan menangkap ikan, 5 terlibat dengan kegiatan membawa pelancong sepenuh masa, 10 terlibat dengan kegiatan pembalakan dan 10 buah lagi terlibat dengan pelbagai guna termasuk membawa pelancong. Masalah ini bukan sahaja tidak baik daripada segi pentadbiran tetapi boleh mengakibatkan perkara-perkara buruk yang boleh membabitkan nama baik Kerajaan Negeri sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diingini seperti kemalangan dan sebagainya. Disamping itu juga keadaan yang terdapat sekarang ini tidak memberikan perlindungan yang sepatutnya kepada penumpang-penumpang. Jadi, salah satu tujuan Enakmen ini ialah untuk mengatasi masalah penggunaan bot-bot dan perahu-perahu secara yang tidak terkawal di Tasik Kenyir ini sungguh pun ia juga meliputi sungai-sungai di luar daripada kawasan pelabuhan sebagaimana yang jelas. Kawalan terhadap bot-bot dan bot-bot penumpang di Tasik Kenyir adalah sangat penting memandangkan Tasik Tersebut telah menjadi suatu destinasi pelancongan yang semakin popular dan semakin dilawati ramai pada masa ini. Dengan berkuatkuasanya Enakmen ini nanti maka bererti lah - Yang pertamanya, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tiada sesiapa pun yang boleh mengguna dan mengusahakan bot-bot atau pun perahu-perahu penambang dengan sesuka hatinya. Seseorang yang hendak mengguna dan mengusahakan bot-bot dan perahu-perahu penambang hendaklah terlebih dahulu mendapatkan lesen daripada Pegawai Daerah yang berkenaan. Dan yang keduanya bot-bot yang digunakan dapatlah dipastikan selamat kepada pengguna dan juga kepada penumpang-penumpang. Dan yang ketiganya tambang yang dikenakan kepada penumpang-penumpang akan lebih terkawal lagi. Dan akhirnya dengan adanya

10 APRIL 1988

bot-bot penambang yang sah di sisi Undang-Undang ianya akan memberikan keyakinan yang lebih besar dan rasa selamat kepada pelancong-pelancong dan adalah di harapkan kemajuan pelancongan di Tasik Kenyir akan meningkat lagi pada masa-masa yang akan datang.

Berkenaan dengan perkara Ikan dan juga kegiatan-kegiatan menangkap ikan serta perbuatan-perbuatan yang boleh menjelas dan memusnahkan sumber ikan di Tasik Kenyir sebagaimana yang ditekankan sangat-sangat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang memandang berat dan sedar akan masalah ini dan sedar akan kepentingan sumber ikan kepada Tasik Kenyir dan juga sebagai satu daya tarikan pelancongan di Tasik Kenyir maka saya suka menyatakan bahawa memanglah Tasik Kenyir adalah merupakan salah satu destinasi pelancongan yang popular dan dilawati ramai di Negeri Terengganu. Daya tarikan pelancongan di Tasik Kenyir diantaranya ialah Empangan Hidro, Tasik itu sendiri, keindahan alam semula jadi, "adventure" dengan izin, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, hidupan liar, ikan-ikan dan lain-lain. Tasik Kenyir kaya dengan ikan-ikan sungai dan air tawar, berbagai-bagai jenis dan saiz. Oleh kerana itu pelbagai kegiatan bersabit dengan ikan dijalankan di Tasik ini seperti menangkap ikan untuk sumber rezeki dan sebagai sukan dan rekreasi yang dijalankan oleh penduduk-penduduk tempatan dan pelancong-pelancong.

Seramai 20 orang diketahui menjalankan pekerjaan menangkap ikan sepenuhnya sebagai sumber rezeki di Tasik ini. Kebanyakan mereka adalah terdiri daripada penduduk-penduduk kampung di sekitar kawasan Tasik Kenyir. Berbagai-bagai cara dan alat digunakan untuk menangkap ikan seperti pukat, rawai, jala, pancing dan lain-lain. Akibat daripada kegiatan-kegiatan ini telah banyak ikan yang telah ditangkap dan ini menjelaskan "stock" atau sumber ikan di Tasik Kenyir dengan banyaknya pada masa ini. Apa yang lebih buruk lagi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ialah terdapatnya kegiatan-kegiatan menangkap ikan dengan menggunakan cara-cara dan alat-alat haram yang menyalahi Undang-Undang seperti tuba, racun, bahan letupan, bom, karan atau kuasa letrik dan lain-lain. Penggunaan alat-alat tersebut mengakibatkan kemusnahaan ikan-ikan secara berleluasa dan besar-besaran dan menjadi faktor utama terhadap kepupusan ikan di Tasik Kenyir. Perbuatan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini adalah merupakan jenayah yang merugikan negeri dan rakyat negeri ini serta menjelaskan kepentingan Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan dalam jangka masa panjang. Kerajaan Negeri sangatlah memandang berat terhadap masalah kegiatan-kegiatan menangkap dan kemusnahaan ikan serta kepupusan ikan di Tasik Kenyir ini. Pada masa lalu arahan telah diberikan kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan supaya mengawal dan menguatkuasakan Undang-Undang bagi membenteryas kegiatan-kegiatan haram ini tetapi ternyata sehingga ini agak kurang berkesan. Memandangkan hal inilah maka Kerajaan Negeri baru-baru ini telah sekali lagi membincang dan menekankan masalah ini dan mengarahkan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan mengambil langkah-langkah yang lebih ketat, berkesan dan berterusan untuk membenteryas sama sekali kegiatan-kegiatan memusnahkan ikan-ikan di Tasik

10 APRIL 1988

Kenyir secara haram. Diantara langkah-langkah yang akan diambil ialah yang pertama - mengawal pintu-pintu masuk ke Tasik Kenyir dengan lebih ketat, kedua meronda Tasik Kenyir untuk mengesan penggunaan alat-alat haram dan ketiga bertindak keatas orang-orang yang terlibat dengan penggunaan alat-alat, cara-cara dan bahan-bahan yang diharamkan tanpa kekecualian. Sekiranya sumber ikan di Tasik Kenyir didapati terus pupus, Kerajaan Negeri tidaklah teragak-agak dan ragu-ragu lagi untuk menimbulangkan langkah-langkah untuk kalau perlu mengharamkan sama sekali kegiatan-kegiatan menangkap ikan di Tasik Kenyir selain daripada yang bertujuan untuk sukan atau rekreasi demi menjaga kepentingan Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan. Ini boleh bererti penangkapan ikan untuk tujuan komersial dan penggunaan alat-alat tertentu akan dikawal atau diharamkan selain daripada penggunaan bahan-bahan dan alat-alat yang sedia diharamkan. Di sini, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sukalah saya menyeru orang ramai supaya menghentikan segera dan menghentikan sama sekali segala perbuatan yang boleh memusnahkan ikan di Tasik Kenyir terutamanya penggunaan alat-alat dan bahan-bahan yang diharamkan. Tindakan tegas dan keras akan diambil oleh pihak berkuasa berkenaan terhadap sesiapa sahaja yang didapati terlibat dengan kesalahan-kesalahan ini. Pihak-pihak berkuasa yang berkenaan telah pun diarah untuk melaksanakan penguatkuasaan secara besar-besaran dan berkesan. Kita hendaklah mengubah sikap kita dan menyedari benar-benar akan kepentingan dan perlunya menjaga sumber ikan di Tasik Kenyir ini bagi kepentingan Negeri dan rakyat Negeri ini dan janganlah hanya mementingkan diri kita sendiri untuk mencari kepuasan dalam jangka pendek oleh kerana sekiranya sumber ikan itu telah pupus Tasik Kenyir akan kehilangan satu-satunya daya tarikan pelancong yang terpenting dan tidak bermakna lagi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, selain dari langkah-langkah mencegah kegiatan-kegiatan yang boleh menjadikan sumber ikan di Tasik Kenyir ini pihak Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah lain untuk menambah sumber ikan di tasik ini. Sehingga ini sebanyak 120 ribu ikan Lampang Jawa dan Telapia telah dilepaskan di Tasik ini. Usaha ini akan ditingkatkan lagi dan pada masa ini sebuah pusat pembiakan ikan air tawar berharga \$2.5 juta telah diluluskan untuk dilaksanakan di Bukit Diman yang akan membekalkan benih untuk menambah sumber ikan di Tasik Kenyir.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan tentang sungai-sungai, sukacitalah saya menyatakan bahawa pihak berkuasa yang berkenaan senantiasalah menjalankan usaha-usaha dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa yang pertamanya tidak berlaku pencemaran terhadap sungai-sungai. Yang keduanya tidak berlaku halangan terhadap laluan di sungai dan yang ketiganya supaya masalah-masalah yang berhubung dengan penggunaan sungai oleh rakyat kita diatasi.

Berkenaan dengan masalah pencemaran, pembuangan sisa-sisa dari kilang-kilang yang terletak di tebing sungai yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ahli daripada Bukit Tunggal maka sukalah saya menyatakan bahawa Jabatan Alam

10 APRIL 1988

Sekitar memang sentiasa menjalankan penguatkuasaan keatas kilang-kilang untuk memastikan sisa-sisa kilang dibuang dengan cara yang sempurna dan tidak mencemarkan alam sekeliling. Bagi kilang-kilang yang terletak berhampiran dengan sungai atau kawasan pantai pemeriksaan yang lebih kerap telah dijalankan untuk memastikan bahan-bahan buangan kilang tidak dibuang atau dilepaskan ke dalam sungai atau laut tanpa diolah terlebih dahulu. Pembuangan bahan-bahan buangan dalam bentuk pepejal seperti habok gergaji, sampah sarap dan lain-lain dari kilang-kilang adalah dilarang sama sekali dan berkenaan dengan pokok-pokok mati di Empangan Kenyir sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Kuala Berang, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat telah meluluskan satu peruntukan sebanyak \$2 juta untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan pokok-pokok mati ini supaya kawasan Tasik Kenyir lebih indah dan lebih selamat.

Akhirnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya sukah menyebut sedikit berkenaan dengan pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Tunggal dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan kaedah-kaedah yang akan dibentuk berhubung dengan Enakmen ini supaya tidak menyusahkan rakyat. Saya suka memberi jaminan bahawa kaedah-kaedah ini akan dibuat dengan penuh teliti dan akan ditimbangkan sebarang kemungkinan akan menimbulkan masalah kepada rakyat. Bukanlah menjadi hasrat kita dengan melaksanakan Enakmen ini untuk menimbulkan masalah-masalah kepada rakyat. Dan berkenaan dengan pengecualian kepada perahu-perahu yang tertentu seperti perahu-perahu untuk sukan, perahu kecil seperti perahu jalur dan sebagainya ini memang ada peruntukan di bawah Enakmen ini iaitu di bawah Fasal 19(1) dimana pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen diberi budibicara kuasa untuk mengecualikan setengah-setengah daripada perahu-perahu tertentu daripada dilesenkan. Jadi saya mengucapkan sekali lagi berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian memberikan pandangan-pandangan, memberikan cadangan-cadangan dan saya berpendapat pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan ini sangat berfaedah dan berguna kepada Kerajaan didalam melaksanakan menguatkusa Enakmen ini dan saya berharap jabatan-jabatan yang berkenaan telah juga mengambil pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan seterusnya melaksanakan cadangan-cadangan tersebut sebagaimana difikirkan patut dan boleh dilaksanakan.

Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

Cadangan supaya Rang Enakmen Lalulintas Sungai 1988 dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan diper-setujukan dengan sebulat suara.

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI 1988 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

10 APRIL 1988

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI 1988 TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT WAN MUDA BIN MOHD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI 1988 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 3 Tahun 1988.

10 APRIL 1988

Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu
(Pindaan) 1988

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Undang-Undang Tanah Simpan Bagi Orang-Melayu 1360 dibaca kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD.MUTTALIB BIN HAJI SALLEH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN)
1988 DIBACA BAGI KALL YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) 1988 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Undang-Undang Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu 1360 supaya Bank Negara Malaysia menjadi salah satu badan yang kepadanya tanah orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau disewa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD.MUTTALIB BIN HAJI SALLEH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya kemukakan untuk perbahasan -

YANG BERHORMAT ENCIK ABDULLAH BIN MOHAMAD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan tuan-tuan dan puan-puan yang di hormati sekalian. Saya terlebih dahulu suka mengucapkan ribuan terimakasih diatas peluang yang diberikan oleh Yang Berhormat Mulia

10 APRIL 1988

Dato' Yang Dipertua untuk saya mengambil bahagian serba ringkas berhubung dengan Enakmen bagi meminda Undang-Undang Tanah Simpan bagi orang-orang melayu 1360. Tidak dapat di nafikan bahawa bila disebut pinda tentulah ianya kearah kebaikan dan kearah memberi faedah yang lebih khususnya kepada tanah yang telah disebutkan. Seumpama kita membina atau pun meminda sutuh rumah kita tentulah bila dipinda sutuh itu daripada kurang cantik kepada yang lebih cantik, daripada yang tidak molek kepada yang lebih molek. Maka oleh yang demikian saya yakin dan percaya bahawa pindaan seumpama ini adalah untuk memberi kebaikan dan faedah yang lebih kepada tanah simpan bagi orang-orang Melayu sepertimana yang termaktub. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya suka mendapat maklum di dalam pindaan yang dihuraikan di sini, sepertimana yang disebut bahawa - Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Undang-Undang Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu 1360 supaya Bank Negara Malaysia menjadi salah satu badan yang kepadanya tanah orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau disewa - Digadai ertinya habis tempoh maka harta itu akan kembali kepada tuannya, begitulah juga di sewa. Di sewa, maka bila habis waktu tempohnya maka harta benda itu akan kembali kepada tuannya tetapi bila disebut pindah milik, maka pindah milik itu akan berpindah daripada milik tuan asal kepada yang dipindah milik itu dan yang dipindah milik itu pula berhak menjualnya kepada orang lain. Adakah sekiranya tanah rezab Melayu ini dipindah milik kepada pihak Bank Negara Malaysia maka ianya boleh dijual pula oleh pihak Bank Negara Malaysia khususnya kepada non-bumi atau pun bukan Bumiputera. Ini mungkin menjadi persoalan dan tandatanya yang harus difikirkan bersama untuk mengelakkan daripada pindah milik yang dibuat kepada bukan Melayu akan dipindah milik pula oleh Institusi Kewangan sepertimana Bank Negara Malaysia itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tuan-tuan sekelian, Tanah Rezab Melayu ini atau pun "Malay Reservation" ini setahu saya tidaklah banyak terdapat di Negeri Terengganu kecuali beberapa ekar tanah seumpama ini terdapat di Hulu Terengganu khususnya di Bandar Kuala Berang dan walau pun demikian ianya diberi perhatian yang begitu "serious" yang baik bagi memajukan tanah-tanah tersebut untuk faedah orang-orang Melayu khususnya tetapi saya rasa termasuk juga di dalam hal yang seumpama ini apa yang disebut tanah pegangan Melayu atau disebut sebagai "Malay Holding". Tanah-tanah yang seumpama ini terdapat di merata-rata daerah dalam Negeri Terengganu ini yang sebahagian besarnya terbiar jadi semak samun, menjadi tempat-tempat barangkali boleh bertelur binatang-binatang buas yang memberi bahaya khususnya jika tempat-tempat ini terdapat di pinggir-pinggir bandar atau pun berhampiran dengan tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai dan boleh menjadikan ianya merosakkan pandangan dan keindahan di tempat tersebut. Di dalam saat-saat Kerajaan dan sesiapa sahaja melihat dan suka memberi tumpuan dan perhatian kepada tanah-tanah terbiar, tanah-tanah yang patut dimajukan maka "Malay Holding" juga patut diambil berat dan patut diambil perhatian supaya tanah-tanah tersebut dapat dimajukan serta dapat memberi faedah kepada orang-orang Melayu khususnya.

10 APRIL 1988

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tanah-tanah "Malay Holding" yang terbiar ini seperti mana yang saya katakan bahawa ianya selain daripada terbiar ianya boleh merosakkan pandangan, boleh menjadikan tempat-tempat tersebut bukan sahaja sarang-sarang binatang buas bahkan mungkin boleh jadi tempat-tempat tumpuan anak-anak muda kita bertumpu kesana untuk lakukan aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan yang boleh merosakkan moral mereka maka tumpuan haruslah diberikan dengan "serious" tempat-tempat yang seumpama ini umpamanya oleh agensi-agensi Kerajaan yang memainkan peranan untuk mengatasi tanah-tanah terbiar seumpama ini. Sekarang zaman kemelesetan ekonomi masih dalam tahap yang tidak selesa. Kemelesetan ekonomi masih di dalam tahap yang boleh mencurigakan kita di tambah pula dengan keadaan pengangguran yang bertambah di sana sini. Pengangguran-pengangguran bukan sahaja sebagaimana yang kita ketahui bukan sahaja berlaku di peringkat bawahan, di peringkat mempunyai kelulusan yang sederhana tetapi ianya telah melarat kepada mereka yang mempunyai ijazah seperti mana yang kita maklum keseluruhan. Maka dengan yang demikian salah satu daripada untuk menghadapi tanah "Malay Holding" ini terbiar dan tidak digunakan sepenuhnya bagi tujuan-tujuan yang boleh mendatangkan faedah dan boleh mengatasi keadaan kemelesetan ekonomi dan juga untuk mengurangkan pengangguran melalui pertanian ini maka sukahal saya sarankan bahawa pihak-pihak yang tertentu patutlah mengambil perhatian berat terhadap tanah-tanah seumpama ini selain ianya juga diambil berat terhadap tanah Rezab Melayu. Tanah-tanah ini perlu dibuat perancangan oleh pihak jabatan-jabatan berkenaan seperti Jabatan Pertanian, JPT dan lain-lain jabatan yang ada kaitannya dengan Pertanian dan lain-lain seperti membina kilang-kilang di tanah-tanah seumpama ini untuk mengatasi kekosongan dan untuk mengelakkan daripada pembaziran yang berlaku yang kita lihat di mana-mana.

Suka saya menyebutkan juga seperti mana yang saya katakan tadi tanah ini menjadi semak samun, menjadi tempat tumpuan binatang buas, menjadi tempat tumpuan anak-anak muda melindung diri, menjadi tempat tumpuan pontengnya kanak-kanak sekolah, menjadi tempat tumpuan lain-lain yang memberi suatu gambaran yang buruk kepada kita saya rasa pihak yang berkenaan juga barang-kali patut mengeluarkan notis-notis, mengeluarkan amaran-amaran kepada tuan-tuan tanah supaya tanah-tanah ini dimajukan sekurang-kurangnya untuk membersihkan tanah-tanah tersebut bagi menyelamatkan keadaan-keadaan yang seumpama itu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, langkah-langkah yang perlu diambil tadi patutlah disegerakan dan patutlah dirancang dengan sebaik-baiknya demi untuk kebaikan orang-orang Melayu itu sendiri.

Terlanjur saya bercakap, Dato' Yang Dipertua, suka juga saya menyebut dan mengambil kesempatan di dalam masa yang ringkas ini satu perkara yang menyebabkan tanah-tanah terbiar samada diluar-luar bandar atau pun di dalam-dalam bandar yang selalunya kita dengar bahawa Kerajaan Pusat telah

10 APRIL 1988

mengambil beberapa tempat tanah dan telah diluluskan kepada pihaknya dan tanah-tanah itu barangkali ada setengah-setengahnya sampai berpuluhan-puluhan tahun tidak digunakan dan tanah-tanah seumpama ini juga terletaknya di tempat-tempat yang strategi, di tempat-tempat yang boleh di gunakan untuk pembangunan-pembangunan yang sesuai tetapi oleh kerana barangkali tergendala dengan sebab-sebab yang tertentu maka tanah-tanah ini juga dibiarkan begitu rupa sehingga semak samun naik dan menjadi semak yang boleh menimbulkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Kebetulannya barangkali tanah-tanah yang diambil ini ialah tanah-tanah yang di sekitar bandar selain daripada ianya tergendala dan selain daripada ianya tidak dapat di gunakan dengan sepenuh-penuhnya dengan sebaik-baiknya maka ia juga tidak menjadikan tempat itu tempat yang indah dan sebagainya. Maka banyak sekali terdapat tanah-tanah yang seumpama ini kerana di booking atau pun diambil dan diserahkan kepadanya dengan begitu luas sekurang-kurangnya 10 atau 20 ekar pada satu-satu tempat. Maka jika ia tidak digunakan oleh pihak-pihak yang tersebut itu ini juga boleh menimbulkan suatu keadaan yang boleh dianggap sebagai menggeciwakan dan boleh dianggap sebagai tidak menggunakan tanah dengan sebaik-baiknya. Jadi oleh yang demikian, jika hak lama-lama sangat itu patutlah barangkali pihak Kerajaan Negeri khususnya menggesa supaya projek yang dirancangkan untuk dibuat ditanah-tanah tersebut akan dapat disegerakan atau patutlah dibuat perkiraan samada untuk diambil balik atau sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, lebih-lebih lagi bila kita membaca surat-surat khabar bahawa Parlimen telah meluluskan Enakmen Tanah, memiliki tanah, Kerajaan Negeri kalau pihak Kerajaan Pusat hendak mengambilnya, tanpa persetujuan Kerajaan Negeri pun pihaknya boleh ambil. Jadi oleh yang demikian, perkara-perkara yang seumpama ini patutlah diambil perhatian yang berat dan "serious" supaya perkiraan-perkiraan untuk menggunakan tanah-tanah tersebut dengan sebaik-baiknya supaya ianya dapat memberi munafaat dan memberi guna kepada seluruh rakyat dan kepada semua lapisan masyarakat untuk kebaikan bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walau pun demikian sesungguhnya saya menyokong pindaan Enakmen ini untuk memberi faedah kepada tanah tersebut. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat memberi ulasan jauh sedikit dengan maudza pindaan Undang-Undang ini. Ada lagi Ahli yang hendak bercakap?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KASSIM BIN ENDUT: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya bangun tentang pindaan Enakmen ini dan juga saya bersetuju dengan adanya pindaan Enakmen ini iaitu Undang-Undang Tanah

10 APRIL 1988

Simpanan bagi orang-orang Melayu khususnya mengenai di manakah hendak menggantungkan nasib Tanah Simpanan Orang Melayu ini. Tetapi satu perkara yang saya nampak dari segi pindaan ini ibarat seorang manusia yang mempunyai penyakit. Bila sakit kaki kita ubat untuk hendak sembuhkan kaki, bila sakit tangan kita pun cari ubat untuk hendak menyembuhkan tangan. Jadi soalnya kita tidak pernah atau pun sejauh mana Kerajaan mengambil perhatian supaya Undang-Undang Tanah Simpanan bagi Orang Melayu ini dikaji semula kerana kalau mengikut Enakmen ini ialah Enakmen 1360 yang telah dibuat berertiinya lebih daripada 40 tahun dah umur Enakmen ini ada dan keadaan Negara kita sekarang ini semakin berubah, negeri kita sekarang ini makin berubah, kalau kita kaji dan kalau kita tengok sejauh manakah, sejumlah manakah tanah-tanah simpanan orang-orang Melayu, saya difahamkan cuma 200 ekar sahaja yang ada dan banyaknya ditempat Yang Berhormat kawasan Telemong yang membuat cadangan ini, ditempat-tempat yang lain tidak, hanya yang ada ialah Pemegang Milik tanah orang-orang Melayu iaitu 10 ekar kebawah. Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dari segi ini penyesuaian harusnya dikaji semula jangan kita anggapkan Enakmen ini semata-semata kita simpankan dalam peti besi, bila ada sesuatu perkara berbangkit baru kita keluar dan kita mencari pindaan-pindaannya. Pada hemat saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita seharusnya sedar bahawa dalam keadaan pembangunan tanah yang pesat hari ini kalau kita tidak awasi betul-betul dan kalau perlu kita menambahkan lagi Tanah Simpanan Orang-orang Melayu ini maka kita bimbang satu masa akan melibatkan 95% rakyat di negeri ini khususnya orang-orang Melayu akan sanggup menjual, menggadai tanah-tanah mereka dan tidak ada tempat yang sesuai bagi mereka untuk betul-betul menjadi tempat kediaman atau pun tempat-tempat perusahaan untuk menambahkan ekonomi mereka. Kalau di kaji 1/3 daripada Negeri Terengganu ini sudah tentu terkeluar daripada simpanan orang Melayu atau pun pemegang Milik orang Melayu iaitu menerusi Rancangan KETENGAH. Yang ini mana-mana juga badan swasta atau pun agensi-agensi yang mempunyai kewangan yang banyak maka kita khususkan untuk pembangunan tanah dan tentulah masih ada lagi yang 2/3 ini yang patut kita kaji semula, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Satu lagi perkara yang kita perlu ingat bahawa dalam Tanah Simpanan bagi orang-orang Melayu kita hari ini ialah soalnya apabila satu-satu tanah umpamanya "Malay Holding" dan sebagainya kita serahkan kepada pemaju-pemaju perumahan. Bila serahkan kepada Pemaju-pemaju Perumahan maka termasuklah kegiatan-kegiatan pemaju ini termasuk Kooperasi dan berbagai-bagai lagi kumpulan atau pun kooperasi-kooperasi yang mempunyai ahli terbuka. Tetapi apabila kita merancangkan sesuatu projek perumahan itu maka setiap ahli mempunyai hak untuk memiliki tanah-tanah yang ada di bawah Kooperasi tersebut. Maka disini kita nampak jelas dan nyata bahawa tanah yang patut jadi milik simpanan orang Melayu atau yang di pegang oleh orang Melayu itu akan jatuh kepada orang-orang lain yang menjadi Ahli-ahli Kooperasi itu sendiri.

10 APRIL 1988

Saya menyokong penuh kepada Kerajaan tentang satu keputusan yang dibuat dalam beberapa tahun yang lalu iaitu dalam segi menukar syaratkan tanah-tanah ini tidak melebihi daripada lima ekar dan saya rasa perkara ini masih dijalankan oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimana pun kita perlu awasi tentang pemaju-pemaju yang seperti ini kerana kita bimbang suatu masa hak yang benar-benar di miliki oleh "Malay Holding" itu akan jadi "free-hold" dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyokong pendapat Yang Berhormat Wakil Jabi tadi tetapi bukan sahaja pandangan barangkali tindakan harus diambil kepada sesiapa juga yang tidak memajukan tanah-tanah terbiar lebih-lebih lagi pemilik-pemilik orang Melayu. Contohnya apa yang dirancangkan oleh pihak agensi Kerajaan seperti FELCRA dan sebagainya untuk mengatasi tanah terbiar. Kita semua faham dalam merancangkan tanah terbiar kita dapati ada manusia-manusia yang milik tanah yang degil hendak mengusahakan tanah tersebut maka dikalangan tanah yang beratus-ratus ekar kita rancang itu ada beberapa kelompok yang degil yang tidak sanggup serah kepada pihak yang memajukan tanah tersebut maka tanah ini tentu sekali akan mengumpulkan musuh-musuh tanaman dan harapan kita untuk meningkatkan ekonomi rakyat maka dengan sendirinya akan semakin menurun terhadap pendapatan mereka. Jadi pada hemat saya tidak boleh kata barangkali atau pun ambil perhatian, beri notis, tindakan harus diambil kepada golongan-golongan yang seperti ini kerana hasrat kita bukan merampas tetapi hasrat kita untuk hendak memajukan tanah-tanah tersebut, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

menyarankan dalam pindaan Enakmen ini supaya ada penyelewengan-penyelewengan berlaku dari segi tanah simpanan orang-orang Melayu ini dan penyelewengan ini mungkin tidak diketahui oleh Kerajaan, mungkin tidak di ketahui oleh sesiapa tetapi antara satu sama lain tahu, umpamanya ada tanah-tanah simpanan orang Melayu hari ini yang satu ekar, dua ekar atau pun kurang daripada 10 ekar dimiliki oleh orang Melayu tetapi hakikat yang sebenarnya adalah hak orang lain maka di sini perlu kita mengambil perhatian dan kita menentukan kepada mana-mana juga agensi atau pun mana-mana juga pihak tertentu samada pembayar stem, samada peguam dan sebagai supaya tidak di benarkan ada "side agreement" iaitu perjanjian lain daripada apa yang termaktub di dalam geran tanah kita dan kalau kiranya perkara ini berlaku maka pihak Kerajaan perlu mengambil tindakan kerana kita faham orang Melayu terutama waktu wangsas, tanah begitu mahal tetapi mereka tahu tanah itu bahawa tanah simpanan orang Melayu, tidak boleh jual kepada bangsa asing tetapi kerana wangsas ini mereka sanggup melakukan penyelewengan walau pun nama itu kepada orang Melayu tetapi hakikatnya bukan hak mereka maka di sini juga Kerajaan perlu awasi dari semasa kesmasa kalau tidak mengharapkan kepada Kerajaan mungkin perkara ini satu masa sedikit demi sedikit kita akan kehilangan dengan tanah-tanah simpanan orang Melayu. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

10 APRIL 1988

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya minta pihak pembawa Usul memberi jawapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya pohon izin untuk memberi sedikit penjelasan daripada perkara yang telah di bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kampong Raja dan juga daripada Bukit Tunggal dalam masa membahaskan Enakmen yang telah saya kemukakan dalam Dewan yang Mulia ini. Pertamanya perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kampong Raja tentang beliau melahirkan kebimbangannya tentang tanah simpanan Melayu ini apabila ianya telah diberi pindah milik kepada pihak Bank Negara maka beliau merasa bimbang, menaruh kebimbangan bahawa tanah ini akan jatuh kepada orang yang bukan Melayu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya memberi jaminan di sini bahawa kebimbangan yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak akan terjadi oleh kerana tanah kepunyaan simpanan orang Melayu ini ada mempunyai sekatan kepentingannya yang tidak membolehkan tanah itu di jual atau pun di pindah milik kepada bukan Melayu. Selain daripada itu pihak berkuasa negeri akan mengawal tanah simpanan orang Melayu ini supaya ianya tidak jatuh kepada orang bukan Melayu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, perkara yang kedua yang dibangkitkan ialah mengenai tanah Simpanan orang Melayu yang ujud di pekan atau pun di pinggir pekan atau pun bandar yang terbiar yang tidak di maju dan di usahakan oleh tuan ampunya tanah yang berkenaan. Terdapat, katanya, tanah-tanah yang sedemikian rupa menjadi tempat kediaman musuh, merosakkan pandangan dan menjadi tempat tumpuan anak-anak muda menjalankan kegiatan maksiat dan lain-lain. Dan beliau menyarankan atau pun mencadangkan supaya dalam keadaan ekonomi yang meleset ini masalah pengangguran anak-anak muda kita di peringkat Sekolah Menengah dan juga mempunyai ijazah supaya pihak jabatan-jabatan tertentu membuat perancangan yang boleh di manfaatkan kepada anak-anak muda kita ini yang menganggur.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, memanglah dalam Undang-Undang Tanah kita pun terdapat mana-mana tanah yang terbiar yang tidak diusahakan pihak berkuasa atau pun pihak Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan notis kepada tuan ampunya tanah supaya tanah itu diusahakan dan kalau pihak tuan tanah enggan juga untuk mengusahakan tanah-tanah mereka atau pun untuk memajukan tanah-tanah mereka pihak Kerajaan boleh mengambil tindakan merampas tanah yang berkenaan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pihak Kerajaan memanglah menggalakkan pihak pemilik-pemilik tanah supaya mengusahakan tanah-tanah mereka dan kemudahan-kemudahan ada di beri melalui agensi-agensi yang telah di tentukan dan terpulanglah kepada tuan ampunya milik tanah ini supaya memajukan tanah-tanah mereka misalnya FELCRA, RISDA dan juga pihak Jabatan

10 APRIL 1988

Pertanian sendiri juga ada program-program tertentu dalam hendak menyelesaikan atau pun hendak memajukan tanah-tanah terbiar yang terdapat di pinggir-pinggir bandar atau pun diperkampung pada masa sekarang ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, perkara yang ketiga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kampong Raja ialah berkenaan dengan tanah yang telah diambil balik berkenaan projek Kerajaan Persekutuan. Memanglah di akui bahawa terdapat tanah-tanah yang telah lama diambil balik oleh pihak Kerajaan untuk kegunaan projek Kerajaan Pusat yang masih belum dilaksanakan dan terdapat setengah-setengah daripada tanah-tanah tersebut amat luas. Pihak Kerajaan Negeri terpaksa menunggu tentang pelaksanaan projek-projek yang di bawah Kerajaan Persekutuan ini . Selagi peruntukan tidak dapat disalurkan kepada pihak Kerajaan Negeri maka selagi itulah projek yang berkenaan tidak di laksanakan. Walau bagaimana pun pihak Kerajaan Negeri tidaklah berdiam diri dalam menentukan supaya projek-projek yang telah dirancangkan ini dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri juga memahami masalah yang di hadapi oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimana pun dalam hendak menyelesaikan masalah tanah yang terbiar ini yang boleh menimbulkan buruk pandangan, yang boleh merosakkan pandangan dan juga boleh menjadikan kawasan itu menjadi kediaman musuh dan sebagainya maka pihak Kerajaan Negeri, insyaallah, dari semasa kesemasa akan merundingkan akan mengadakan perundingan dengan pihak atau pun akan berunding dengan pihak berkuasa Tempatan yang berkenaan supaya kalau tanah tersebut terletaknya di tepi-tepi bandar atau pun di tepi-tepi pekan kecil supaya tanah itu dapat kita bersihkan sementara pelaksanaan projek yang telah di cadangkan itu dengan kita bersihkan kawasan tersebut, dengan kita mengambil kira supaya kawasan itu menjadi satu kawasan yang elok pada pandangan dan boleh digunakan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tentang pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat daripada Bukit Tunggal pihak Kerajaan akan mengambil perhatian diatas saranan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN)
1988 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

10 APRIL 1988

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1988 TELAH DI TIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD.MUTTALIB BIN HAJI SALLEH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan sebulat suara.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1988 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 4 Tahun 1988.

10 APRIL 1988

T A N G G U H A N.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada satu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan kepada satu masa dan tarikh yang akan di tetapkan kemudian.

PERSIDANGAN DEWAN TAMAT PADA PUKUL 1.10 TENGAH HARI.

Ref:70203.